

**Jilid IV
No. 36**



**Hari Khamis
15hb Februari, 1968**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5385]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

**Jawatan-kuasa Perbekalan [Hari Yang Kesepuluh]—
Kepala B. 29 [Ruangan 5410]**

**Kepala² B. 30, B. 31, B. 32, B. 33, B. 34, B. 35, B. 36
dan B. 37 [Ruangan 5434]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Khamis, 15hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- .. Menteri Pengangkutan, Y.B. TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- .. Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- .. Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- .. Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- .. Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- .. Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- .. Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- .. Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- .. Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- .. Setia-usaha Parliamen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- .. Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- .. TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

„ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

„ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P.**
(Kota Bharu Hulu).
- „ **TUAN ISMAIL BIN IDRIS** (Pulau Pinang Selatan).
- Yang Berbahagia **TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.**
(Johor Tenggara).
- Yang Berhormat **PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.**
(Sarawak).
- „ **TUAN KADAM ANAK KIAI** (Sarawak).
- „ **TUAN KAM WOON WAH, J.P.** (Sitiawan).
- „ **TUAN THOMAS KANA, K.M.N.** (Sarawak).
- „ **TUAN KHOO PENG LOONG** (Sarawak).
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA** (Sarawak).
- „ **TUAN LEE SECK FUN, K.M.N.** (Tanjong Malim).
- „ **DR LIM CHONG EU** (Tanjong).
- „ **TUAN LIM KEAN SIEW** (Dato Kramat).
- „ **TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K.** (Alor Star).
- „ **TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P.** (Port Dickson).
- „ **TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL** (Sabah).
- „ **DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.**
(Kuala Kangsar).
- „ **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD** (Besut).
- „ **TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.**
(Jelebu-Jempol).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.**
(Kuala Langat).
- „ **TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N.** (Sungei Patani).
- „ **WAN MOKHTAR BIN AHMAD** (Kemaman).
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL** (Perlis Selatan).
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH**
(Pasir Mas Hilir).
- „ **TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,**
A.B.S. (Sarawak).
- „ **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,**
J.P. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD** (Tanah Merah).
- Yang Berbahagia **TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,**
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat **TUAN NG FAH YAM** (Batu Gajah).
- „ **TUAN ONG KEE HUI** (Sarawak).
- „ **TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH** (Hilir Perak).
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N.** (Perlis Utara).
- „ **TUAN QUEK KAI DONG, J.P.** (Seremban Timor).
- „ **TUAN RAMLI BIN OMAR** (Krian Darat).
- „ **TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.**
(Rembau-Tampin).
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S.** (Muar Pantai).
- „ **TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S.** (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

- .. TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- .. TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- .. TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- .. TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- .. Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- .. Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- .. Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- .. Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- .. Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
(Kelang).
- .. Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- .. Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P.
(Teluk Anson).
- .. Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- .. PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- .. WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- .. TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- .. TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- .. DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- .. TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berhormat **TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).**

„ **DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).**

„ **TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).**

„ **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).**

„ **TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).**

„ **TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).**

„ **DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).**

„ **ORANG TUA MOHAMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).**

„ **TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).**

Yang Amat Berbahagia **TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).**

Yang Berhormat **TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).**

„ **RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).**

„ **TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).**

„ **DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).**

„ **TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).**

„ **TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).**

„ **TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).**

„ **TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).**

„ **TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).**

„ **TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).**

„ **TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).**

„ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).**

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEACE MOVES TO END THE VIETNAM WAR

1. **Dr Tan Chee Khoon (Batu)** asks the Minister of Foreign Affairs to state if he is aware of the recent moves being made to bring about a settlement of the war in Vietnam. If so, the steps the Alliance Government has taken to help in the settlement of the war there.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah) (*dengan izin*): There has been a number of peace moves recently over Vietnam, and I believe the Honourable

Member has read in this morning's papers that the latest move has been made by the Secretary-General of the United Nations, Mr U Thant, in trying to get a move initiated in Europe now. I am not sure to which peace move is the Honourable Member referring to in this particular question.

With regard to the recent move, the representative of the Hanoi Government was reported to have said that his Government will come to the conference table as soon as America halts its bombing raids over North Vietnam; and this, as Honourable Members are aware, sparked off a flurry of optimism in the capitals of the world. The Americans asked for clarification of the statement from Hanoi, but Hanoi's reply was less encouraging. The North Vietnamese's stand was not acceptable to the United States, nor to the South Vietnamese Government, because there

was clearly no guarantee that the North Vietnamese would cease their acts of aggression and sabotage in the South.

Honourable Members will recall that it has been stated in this House during the last session of Parliament that the Vietnam War is a tragedy and that the conclusion of this War can only be reached by the contending powers concerned. The Malaysian Government does not consider it necessary to make any move because the efforts towards peace so far by various countries and individually for settlement have not been very encouraging. However, the Government hopes that the road towards peace will still remain open.

Dr Tan Chee Khoon (dengan izin): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Assistant Minister aware, as he has pointed out to reports in this morning's papers. In this morning's papers, Mr Wilson and others are reported to have stated that the gap that exists between the two contending parties is narrower than what we think it is and, therefore, the prospects of peace are brighter than before. As such, should not Malaysia, an Asian power that has expressed a great concern over the destruction of life and property both in North and South Vietnams, lend its small voice in the pursuit of peace?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: As I have said just now, Mr Speaker, Sir, there is no necessity for the Malaysian Government to take any part in this peace move, especially, in the light of the fact that at the moment a move is being initiated by the person of the Secretary-General himself, and it is better for us to just sit quietly and wait for the result of this latest move.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Assistant Minister aware that if these peace moves fail, then it is likely that the war in Vietnam may escalate beyond the borders of Vietnam? In other words, if the Americans indulge in what is known as hot pursuit of the North Vietnamese, for example, and then turn into Cambodia, or as they are now battling in Khe Sanh, if they pursue

the North Vietnamese into Laos, it can cause international repercussions?

The Honourable Assistant Minister knows that the seizure of the U.S.S. Pueblo is but one of the moves in the international chess board as between the two great powers; the Honourable the Assistant Minister knows that apart from the seizure of the U.S.S. Pueblo, the other contending power can, for example, resurrect the blockade of Berlin; and, therefore, all these can escalate the war in Vietnam outside its borders. As such, should not we lend our voice for peace?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sir, I think the Honourable Member has asked the question and has himself answered the question (*Laughter*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dalam jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi ada tersebut satu perkataan ia-itu "no necessity"—erti-nya tidak ada mustahak Kerajaan Malaysia hendak masuk champor dalam masaalah perang di-Vietnam ini. Ada-kah ini bererti bahawa Kerajaan kita akan tidak masuk champor langsung, pada hal masaalah Vietnam ini sudah mengugut Tenggara Asia dan nasib Malaysia ini bergantung kepada kerjasama dengan negeri² yang berjiran. Jadi ada-kah ma'ana "no necessity" ini pada hari ini, atau pun tidak mahu masuk champor langsung?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya kata "no necessity" itu bermakna tidak ada mustahak-nya buat masa ini memandangkan kepada usaha² yang di-ambil oleh negeri² lain, pembesar² lain sa-bagai ketahu² sendiri bagi Kerajaan Malaysia mengambil bahagian dalam usaha² untuk menchapai perdamaian di-dalam peperangan ini, tetapi dalam pada itu pada masa ka-hadapan ini, kalau sa-kira-nya perlu, sunggoh² perlu di-fikirkan Malaysia patut mengambil bahagian dalam apa² gerakan, atau pun usaha untuk menchapai keamanan, saya perchaya tentu Kerajaan Malaysia akan tampil ka-hadapan, kerana meng-ambil bahagian kalau tidak sa-chara

besar, boleh jadi sa-chara kechil-nya untok menchapai keamanan dalam peperangan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: saya minta penjelasan ia-itu kalau tidak boleh sa-chara besar ia-lah sa-chara kechil. Sa-chara kechil ini apa erti-nya bahagian sa-chara kechil itu, hantar duit-kah, atau hantar tentera sukarela-kah, atau pun hantar ambulance-kah, dapat chontoh satu daripada chara yang kechil itu.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkataan sa-chara kechil itu boleh berma'ana bermacam², sa-chara meshuarat, atau pun perhubungan, sa-chara diplomatik antara negeri ini dengan negeri² lain yang juga barangkali lebeh² rapat lagi dengan Kerajaan Vietnam Utara, umpama-nya Indonesia yang saya perchaya ada perhubungan siasah diplomatik dengan Vietnam. Bagi Malaysia hendak mengambil bahagian yang penoh, saya fikir susah, kerana kita tidak ada perhubungan sa-chara langsung dengan Kerajaan North Vietnam dan juga oleh kerana pendirian kita dari segi siasah. Jadi, bahagian yang kechil yang dikatakan itu boleh ma'ana juga kita berhubung dengan Kerajaan² yang rapat yang ada perhubungan dengan Kerajaan Vietnam Utara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: memandang kapada kedudukan sikap Kerajaan kita sekarang ini tidak mempunyai hubungan diplomatik bagitu bagini, ada-kah Kerajaan bersedia, kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat dari Batu hendak membuat initiative, atau daya utama untok menjalankan perdamaian ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang sa-macam itu, saya fikir Ahli Yang Berhormat patut menghalakan kapada Ahli Yang Berhormat dari Batu (Ketawa).

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (dengan izin): Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister, in the light of the

recent statement made by the Honourable Prime Minister on the events which are now popularly referred to as the Tet uprising in Vietnam, and the expression by the Honourable Prime Minister that in his view he considered that the ultimate victory would belong to the South Vietnamese, what is the Government's policy at the present time with regard to the settlement of the war in Vietnam? Is the Government's policy of settlement based upon the possibility of negotiations or the possibility of the ultimate victory of the South Vietnamese against the Vietcong? What exactly is the Government's policy?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: I think the Government's policy as I have clearly reiterated in my reply just now is to see that there is negotiation, and there is a likelihood of peaceful settlement of the war through peaceful negotiation.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I take it then that the view of the Honourable Assistant Minister, in speaking on behalf of the Government, is that the war in Vietnam must be settled at the conference table and not in the battlefield.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, it depends on whether both parties are prepared to come to the conference table. As far as I see, only one side to this war is prepared to come to the conference table, but not the other side.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Which side is prepared to come to the conference table?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: As the Honourable Member is fully aware, the American Government has always stated through the President and through other prominent leaders that they are only prepared to come to the conference table without any condition.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah puas hati jeneral² sa-belah sini kita boleh jalan (Ketawa).

RIOTS IN PENANG, NOVEMBER, 1967—NUMBER OF PERSONS ARRESTED

2. Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): asks the Minister of Home Affairs to inform this House:

- (a) as to how many persons have been apprehended for having caused bodily injury and/or death to other persons during the riots in Penang last November;
- (b) when will they be charged in open court; and
- (c) what are the steps taken by him to protect the jury from reprisals and thereby ensure true justice will be carried out without the fear of intimidation.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah (*dengan izin*): Tuan Yang di-Pertua, it is not possible to state separately the number of persons who have been apprehended for having caused bodily injuries and/or deaths to other persons during the November, 1967 riots in Penang, but on the whole 68 persons have been arrested for offences connected with the rioting.

(b) 61 of those arrested have already been released and the remaining 7 are still detained in custody for further investigations. It is not possible to state when the 7 suspects will be charged in Court as investigations are still proceeding and are not yet completed.

(c) The usual police protection will be accorded to everyone concerned with the administration of justice in any court of law.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister whether the Government would consider taking steps to allow such court proceedings when trying the persons who are connected with the riots to be held in camera by virtue of the fact that there is a considerable possibility that the decisions taken in Court, or the evidence given in Court, can provoke further grievances and can even create a situation where people giving evidence may be intimidated?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, the question of whether or not the proceedings should be held in camera is solely within the discretion of the court hearing the case concerned. But, if, as said by the Honourable Member, there is this necessity for holding the proceedings in camera, the Government will probably consider making applications through the Police officers conducting the prosecution to apply for such proceedings to be held in camera.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (*dengan izin*): Sir, may I ask the Assistant Minister if it is true that some of those, who were taken in after being identified by the members of the family of victims for allegedly being involved in acts of violence and causing deaths in the recent trouble in the Nibong Tebal area, were released; and if so, can the Honourable Assistant Minister tell us if these people were released on bail, and whether they will be subsequently tried in Court?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: I am not aware of this, but if the Honourable Member can supply me with further information as to this fact, I am only too happy to assist him to get all the particulars he wants.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, arising out of the answer by the Assistant Minister, out of the persons detained during the riots, how many were released under the P.C.O.?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, I have to have notice before I can give the figure as asked for by the Honourable Member.

Dr Lim Chong Eu: Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister, in the case of those 61 out of the 68 who were apprehended and were subsequently released, will the Government assure this House that although these people have been released the Police would still try their very best to keep an eye on them.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: I can tell the Honourable Member that

even though these 61 were released, they are still under Surveillance by the Police.

GOVERNMENT APPEAL TO PUBLIC FOR INFORMATION— RESPONSE

3. Dr Lim Chong Eu ask the Minister of Home Affairs:

- (a) to inform this House as to the response from the general public to the Police and Government appeal for information against persons who violently and actively took part in the riots in Penang; how many reports have been lodged, and how many persons have been apprehended especially for having caused bodily injury and/or even death to other persons; and
- (b) whether he will tell the House what effective steps he intends to take to protect those who have given or are capable of giving information from further reprisal.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sir, the arrest of 68 suspects in respect of offences connected with the rioting as a result of information voluntarily provided by 300 persons to the Police is indication of a satisfactorily encouraging response from the general public to the Government's appeal for co-operation in bringing to justice the lawless elements responsible for the disturbances in Penang. Every information given is treated with absolute secrecy and the identity of the informant is very closely guarded. In addition, every step is being taken to protect the sources of information.

Dr Lim Chong Eu: Sir, I am very glad to note that the Government is nursing the matter with utmost care. However, Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister that consequent to the information given, and in spite of the protection which the Government has now given to its sources of information, should these informants subsequently have to appear in court as witnesses, what steps would the Government take to ensure the same degree of security to them?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: I can assure the Honourable Member that when there is necessity that witnesses in such cases have to be given protection in the event of their having to come to Court as witnesses, it is the primary duty of the Government to see that they are protected in every possible way we can.

VISA FOR SHORT STAY IN MALAYSIA

4. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Home Affairs to state if he is aware that our insistence on a visa for even a short visit of three days has discouraged many tourists from visiting this country, and also of the comment by one Mr M. Otaga on this and that this hindrance has prevented Japanese visitors from visiting this country and that Mr M. Otaga is reported to have said that he had to make three trips in a week to our Embassy in Tokyo before he could get his visa approved, and if so, whether his Ministry will do away with the visa requirement for a short stay of three days as is the case with practically all Asian countries.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, I am not aware of this fact, and so far as the comments made by Mr M. Otaga is concerned, there was no need for him to make the three visits. Mr Otaga called on the Embassy on the 13th December, 1967, to apply for visas to visit Malaysia and Singapore, and due to his own impatience he called again on the 15th of December in the morning but, unfortunately, the visas were not yet ready then. He would have saved this journey had he only telephoned the Embassy. He visited the Embassy again on 18-12-1967 to collect his visa. The Embassy in Tokyo receives an average of a hundred applications for visas per day and the visa for Mr Otaga was ready on the afternoon of the 15th of December.

For security and other reasons, the Government does not intend to relax the present 24-hour exemption from possession of visas in respect of persons from countries not having visa abolition agreements with Malaysia.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, is the Honourable Assistant Minister aware that, while it may be true that for security reasons this country does not allow a three-day visit without a visa, even in troubled Saigon the South Vietnamese Government allows a three-day visit without a visa—I know it because I just went there—and that most Asian countries have done away with this requirement for a visa for a short visit of three days. In fact, the Philippines Government has just gone a little further and for Journalists who wish to visit the Philippines, I think the extension is now for a 2-week visa-free visit. In the light of what I have stated, would the Government reconsider this visa for a short stay because, undoubtedly, it does hinder the progress of tourism in this country?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: The fact that there was such a relaxation in Saigon may, in my view, have been the cause of infiltration of so many saboteurs into Saigon during the last few weeks, before the trouble started in Saigon. As far as this country is concerned, I must say the Government, on security grounds, is not prepared to relax this rule; and in so far as the tourist trade is concerned, it has been found out that the non-relaxation of this rule has not in any way affected the number of tourists who have come to this country, especially from Japan.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, will the Honourable Assistant Minister clarify what he stated just now, that the relaxation of this three-day visa-free visit in Saigon may be the cause of the recent Tet uprising in Saigon. Is he trying to suggest to this House that people from abroad infiltrated into Saigon to cause the Tet uprising there?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Yes. There will be, in the case of this country, undesirable elements from outside wanting to infiltrate into this country, wanting to carry out sabotage work, which they can very easily do within the three days that are given to them to travel around the country; and this is one of the reasons why I

said just now that on security grounds the Government is not prepared to relax this three-day period.

PEMASOKAN MURID² DARI MALAYSIA TIMOR KA-SEKOLAH² MENENGAH DI-MALAYSIA BARAT

5. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah benar bahawa Kementerian ini akan menerima murid² dari Sarawak dan Sabah sa-chara besar²an masok ka-sekolah² menengah di-Malaysia Barat, dan jika benar, tidak-kah lebih baik jika sekolah² menengah di-bena dalam Negeri² itu; dan
- (b) Sa-jauh mana-kah yang sudah terchapai dalam rundingan² dengan kedua² buah Negeri ka-arah ini.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, murid² Malaysia Timor telah di-terima masok ka-sekolah² menengah di-Malaysia Barat atas kadar yang terhad sahaja. Kerja membena sekolah² menengah di-Malaysia Timor tetap di-jalankan seperti biasa, tetapi adalah di-fikirkan berfaedah bagi murid² dari Malaysia Timor berhubung rapat dengan rakan² mereka di-Malaysia Barat. (b) Perbinchangan² hanya diadakan dari masa ka-samasa, apabila perlu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan! ada-kah amalan yang sa-umpama ini hendak di-lanjutkan, kerana daripada sini dapat kita ketahui akan membebaskan Kerajaan Pusat kepada anak² ini dan juga berupa mengambil hak bangku² yang patut di-dapati oleh anak² kita di-Malaysia Barat ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya ra'ayat Malaysia Barat dan Malaysia Timor semuanya warganegara, dan kita menggalakkan anak² dari Malaysia Timor mendapat peluang belajar di-Malaysia Barat untuk mendapatkan pengalaman dan juga mahu hidup bersama² dengan anak² kita. Ini-lah satu tujuan yang

baik. Jadi, kita jangan membezakan Malaysia Barat dari Malaysia Timor. Ini-lah satu perkara yang mustahak, dan saya perchaya semua Ahli² Yang Berhormat khas-nya Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara difahamkan dengan dasar Parti Perikatan dan Kerajaan Perikatan kita.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya maksudkan atas soalan saya tadi, kalau dengan keadaan ini di-amalkan, ada lebih baik Kerajaan Pusat mengkaji balek otonomi pelajaran antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah, supaya satu masa kelak dapat di-dirikan sekolah² menengah Kebangsaan ini di-negeri yang tersebut dan dapat kita segera melaksanakan Bahasa Kebangsaan di-negeri² itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu, saya telah menjawab di-Dewan ini, bila soalan ini di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada Sarawak. Jadi, sekarang terpulang balek-lah kepada Negeri² Sarawak dan Sabah; jika Negeri Sarawak dan Sabah menyetujui satu dasar pelajaran di-jalankan di-Malaysia Barat, dan kita sangat-lah mengulankan kepada kedua Negeri itu.

PERBEZAAN NILAI DI-ANTARA SIJIL² PERSEKOLAHAN

6. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah dia sedar bahawa beribu² orang belia yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia berasa hampa sa-telah gagal memohon kerja dalam negeri ini;
- (b) ada-kah dia sedar bahawa permohonan² mereka telah di-tolak oleh Jabatan² Kerajaan atau sharikat² perniagaan, yang berkehendakkan orang² yang berpengetahuan Inggeris, jika sedar, apa-kah langkakah² yang sedang di-ambil oleh Kerajaan untuk menyamakan nilai ekonomi Bahasa Kebangsaan dengan nilai ekonomi Bahasa Inggeris dan untuk memberi peluang kerja kepada orang² dari kawasan luar bandar.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, di-sisi Kerajaan dan Kementerian Pelajaran khas-nya, tidak ada perbezaan nilai di-antara Sijil² Persekolahan itu. Sijil Pelajaran Malaysia dan Malaysian Certificate of Education/School Certificate ada-lah bertaraf sama. Kesukaran yang di-hadapi sekarang ia-lah soal penerimaan masyarakat, dan ini sudah tentu akan mengambil masa sedikit lebih lagi, apabila pemegang² sijil perantaraan Bahasa Kebangsaan sendiri membuktikan bahawa kebolehan dan kecekapannya tidak kurang sedikit pun dengan mereka yang mempunyai sijil dalam bahasa Inggeris.

MELANJUTKAN PELAJARAN MURID² YANG LULUS SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

7. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada Kementerian ini sedang mengambil langkah² membolehkan orang² yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia melanjutkan pelajaran mereka:

- (i) di-Maktab Pertanian Serdang;
- (ii) Institute Teknologi MARA;
- (iii) Maktab² Perguruan; dan
- (iv) Pusat² Latihan Harian;

dan jika langkah² sudah di-ambil, berapa bilangan penuntut yang telah di-terima masuk, dan jika belum, kenapa.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menegaskan bahawa Sijil Pelajaran Malaysia ada-lah sama taraf-nya dengan Sijil Seberang Laut Cambridge. Yang menjadi pertimbangan yaysan² pelajaran itu ia-lah soal bahasa pengantar di-jurusan² yang di-beri-nya dan bukan taraf. Untuk ma'alumat Ahli Yang Berhormat semua yayasan² itu telah menerima mereka² yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan butir²-nya ia-lah seperti berikut:

- (i) Maktab Pertanian Serdang—40 telah di-terima masuk bagi mengikuti Kursus Permulaan bagi tahun akademik 1967/68.
- (ii) Institute Teknologi MARA—36.

(iii) Maktab Perguruan Menengah bagi tahun 1967—Maktab Perguruan Menengah bagi tahun 1967, Maktab Latehan Perguruan 83, Pusat Latehan Daerah 296, jumlah 379.

Butiran² bagi tahun 1968 belum diketahui kerana pemilehan belum selesai.

(iv) Maktab/Pusat Perguruan Rendah—Bagi tahun 1967 ia-lah 586.

Butir² bagi tahun 1968 belum diketahui kerana Pemilehan masuk ka-Maktab² Perguruan belum selesai.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Kenyataan yang Kerajaan maseh mengutamakan pengetahuan bahasa Inggeris, ada-kah Kementerian ini sedar di-Maktab bahasa pengantar resmi Bahasa Kebangsaan, seperti Perguruan Perempuan di-Melaka, tetapi Pensharah-nya memberi kuliah di-dalam bahasa Inggeris. Ada-kah Kementerian ini sedar perkara ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya suka ma'alumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu di-Maktab Latehan Perguruan kita ada-lah bahasa Kebangsaan dan juga ada bahasa Inggeris. Bila guru² itu di-lantek sa-bagai guru menjadi bahasa Inggeris memang-lah mempelajari lebih lagi bahasa Inggeris. Kalau guru itu mengajar sa-bagai pengajar bahasa Kebangsaan memang-lah mengajar bahasa Kebangsaan sahaja akan tetapi hendak dapat latehan belajar bahasa Inggeris juga.

KENAIKAN KA-TINGKAT EMPAT BAGI MURID² YANG MENDAPAT PANGKAT B

8. Tuan Abdul Karim bin Abu bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa murid² Tingkatan Tiga yang mendapat Pangkat B tidak di-naikkan ka-Tingkatan Empat, dan jika benar, tidak-kah ini bererti menyekat pelajaran kanak², dan ada-kah dia akan memberi jaminan bahawa mereka akan di-naikkan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun hanya murid² yang lulus dengan mendapat Pangkat

A sahaja yang layak naik ka-Tingkatan Empat, satu keputusan telah di-ambil kemudian supaya murid² yang mendapat Pangkat B juga boleh di-naikkan, ia-itu mereka yang di-dalam golongan berikut:

(a) Murid² Pangkat B yang mendapat jumlah 35 atau 36 unit boleh di-naikkan ka-Tingkatan Empat di-sekolah² yang di-bantu.

(b) Murid² mendapat B yang mendapat 37 hingga 40 unit boleh-lah membuat permohonan untuk masuk ka-sekolah vocational. Murid² ini ada-lah juga layak untuk mengulangi sa-mula Tingkat III, jika mereka tidak mahu masuk ka-sekolah² vocational dengan syarat mereka tidak lebih umur.

PEMILEHAN GURU² MELAYU TINGKATAN KHAS

9. Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan) bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa dua orang chalan sahaja yang telah di-pilih sa-bagai Guru² Melayu Tingkatan Khas di-Melaka dalam tahun 1967; jika benar, atas asas apa-kah pemilehan itu di-buat, dan sama ada guru² besar atau guru² pelawat di-Melaka tidak ada yang layak di-naikkan pangkat.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, hanya dua orang sahaja guru² tingkatan biasa di-Sekolah Kebangsaan (Latehan Maktab) dari Melaka telah di-naikkan pangkat ka-Tingkatan Khas dalam tahun 1966 dan bukan tahun 1967. Kenaikan itu telah di-buat oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam menurut perintah² 'Am asas² yang biasa di-ikuti berkenaan dengan kenaikan pangkat dan bukan berdasarkan kepada sa-barang sistem quota bagi tiap² Negeri. Sa-saorang guru dari mana² negeri pun yang di-fikirkan sesuai oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam boleh di-naikkan pangkat untuk mengisi kekosongan² yang ada.

Semua guru² tingkatan biasa di-Sekolah² Kebangsaan (Latehan Maktab) yang mempunyai kelayakan dan

pengalaman yang di-wajibkan pada masa kenaikan pangkat itu di-timbang-kan ada-lah layak untuk di-beri per-timbang kenaikan pangkat itu.

Saya ingin juga menyatakan bahawa Guru² Pelawat ada-lah layak di-timbangkan bagi kenaikan pangkat ka-Tingkatan Khas jika mereka mem-punyai kelayakan dan pengalaman yang di-kehendaki, tetapi apabila ke-naikan di-jalankan dalam tahun 1966, semua Guru² Pelawat di-Melaka telah pun berada di-dalam Tingkatan Khas. Oleh itu soal kenaikan mereka pada masa itu tidak timbul.

**MURID² PANGKAT "C" DALAM
PEPEREKSaan S.R.P. (1967)
YANG BERASAL DARI SEKO-
LAH² RENDAH CHINA**

10. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) antara murid² yang mendapat Pangkat C dalam peperiksaan S.R.P. tahun lalu, berapa orang yang berasal dari Sekolah² Rendah China dan dengan kerana itu belajar sa-tahun di-kelas peralehan;
- (b) ada-kah dia sedar bahawa mereka berumur 16 tahun lebeh pada 1-1-1968 dan oleh itu tidak boleh di-tahan dalam Tingkatan III tahun ini sungguh pun mereka tidak pernah gagal dalam mana² peperiksaan dan jika sedar, ada-kah dia akan berikhtiar sa-boleh²-nya mengadakan tempat² bagi murid² yang tidak lulus sa-umpama mereka itu, daripada menchampakkan mereka ka-jalan² raya.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dukachita saya, angka² ini tidak boleh di-dapati.
- (b) Ini tidak-lah benar Kementerian Pelajaran telah memutuskan ba-hawa sa-saorang chalun pangkat C yang melalui Kelas Peralehan dan di-peranakan pada tahun 1951, atau sa-lepas itu boleh-lah di-timbangkan belajar sa-mula

lagi dalam Tingkatan III pada tahun 1968 dengan syarat:

- (i) dia telah mendapat kelulu-san dalam sa-kurang²-nya tujuh mata pelajaran, dan
- (ii) dia belum pernah lagi di-tahan dalam sa-barang tingkatan atau darjah da-hulu.

Dr Tan Chee Khoon: The Honour-able Assistant Minister, according to his own reply, stated that there are two conditions; one is certain marks, what-ever it may be, and (2) that the student must not have failed in his career in the past. Is he aware that this category of students that I have mentioned, that is those who have been to a Chinese Medium School and thereafter gone to a Remove Class and then entered the main stream of a National Type School, have not failed any examination in the past, but unfortunately, I believe, these people do not qualify owing to the question of date of birth. If so, will the Honourable Minister have a second look at this question, because I believe there are hundreds, if not thousands, who are involved in this matter?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu bukan berkata murid² daripada Sekolah Bahasa Pe-ngantar China sahaja, akan tetapi saya suka memberi tahu murid² yang meng-ambil bahasa pengantar Melayu, ber-tukaran bahasa pengantar Inggeris pun kena juga. Jadi, bukan satu bangsa. Saya sudah sebutkan syarat² bagi kenaikan murid² yang ada 35 unit atau 36 unit, atau 37 unit dan juga tidak lebeh dari 40 unit itu boleh di-naikkan ka-Tingkatan Empat, atau sekolah vocational. Ini-lah satu dasar Kement-erian Pelajaran. Jadi, saya tidak boleh-lah memberi apa² concession lagi.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara) (dengan izin): Could the Honourable Assistant Minister of Education inform this House whether pupils who have passed the L.C.E. Examination with Grade A or B from private English schools or night schools will be pro-moted to Form IV in the fully aided schools; if not, why?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya, murid² daripada Sekolah Suwa—atau Private, sunggoh pun dia dapat lulus Pangkat A atau B, tidak dapat peluang-lah memasoki sekolah bantuan Kerajaan, oleh sebab apa di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, ia-itu banyak murid² itu mendapat Pangkat C tidak dapat peluang naik Tingkatan Empat. Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, tempat² sekolah dan bilek²-nya tidak menchukupi, oleh sebab itu-lah kita tidak boleh-lah beri peluang kepada murid² itu kembali kepada sekolah bantuan Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Menteri Muda Pelajaran telah berkata, mengikut beliau, murid² yang dapat Pangkat C yang lulus daripada Sekolah China, tidak boleh di-beri tempat di-Tingkatan Empat. Kalau sa-kira-nya di-Sekolah² Jenis Kebangsaan, masing² ada tempat, boleh-kah Menteri Muda timbangan mengambil, atau memberi peluang kepada murid² yang dapat Pangkat A dari Sekolah Suwa?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh-lah oleh kerana murid² daripada Sekolah Suwa itu boleh menyambungkan pelajarannya di-Tingkatan Empat di-sekolah yang berkenaan itu. Jikalau kita beri peluang kepada murid² daripada Sekolah² Suwa. Itu masok lagi kepada Sekolah Bantuan Kerajaan, maka sekolah² bebas itu kena di-tutup, dan dengan ini tidak dapat sekolah² suwa lagi.

PROJEK KEBAJIKAN DI-LAKSANAKAN DI-KAWASAN CHUKAI, DISEMBER, 1967

11. Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir) [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am berapa bilangan projek kebajikan yang telah di-laksanakan oleh Kementerian dalam kawasan Chukai sa-masa pilihanraya kecil dalam Bulan Disember, 1967.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

PENGHADHIRAN AHLI² PARTI PEMBANGKANG DI-MESHUARAT²

12. Dr Lim Chong Eu bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah dia sedar sa-takat yang berkaitan dengan lawatan-nya ka-Pulau Pinang untuk menchari ma'alumat di-sana, tidak sa-orang pun wakil ra'ayat, baik dari Dewan Negeri atau Dewan Ra'ayat, telah di-jemput hadhir di-mana² meshuarat-nya, dan jika sedar dan inginkan kerjasama ahli² pembangkang di-perundingan peringkat itu pada masa depan, boleh-kah dia memberi Dewan ini jaminan yang dia akan mengarahkan Kerajaan² Negeri yang berkenaan menjemput wakil² ra'ayat daripada menyelar Parti Pembangkang dalam akhbar.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya jawab soalan berkenaan dengan Rancangan Segera ini, saya hendak menerangkan chelaan saya, bukan-lah berkenaan dengan penghadhiran Ahli² Parti Pembangkang di-dalam meshuarat berkenaan Rancangan Kilat sahaja, tetapi berkenaan kekurangan chadangan² oleh Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang berkenaan Rumah Murah di-dalam kawasan-nya.

Saya boleh buat pengumuman² di-dalam meshuarat ini daripada kejadian Kementerian saya hingga sampai sekarang, saya boleh katakan di-sini, belum ada dapat satu² chadangan dari Ahli² Parti Pembangkang berkenaan Rumah Murah, sedangkan Ahli² Parti Perikatan selalu ada melawat chukup, kerjasama chukup berkenaan perkara ini. Sekarang saya boleh jawab berkenaan soalan ini.

Rancangan Kilat itu ada-lah di-maksudkan untuk bandar² yang sekarang belum mempunyai rancangan perumahan lagi. Tentang Bandaraya George Town, beberapa rancangan yang mengandongi sa-jumlah 5,369 unit² sekarang sedang di-bena dan oleh yang demikian, tidak-lah berkehendakan sa-barang projek di-bawah Rancangan Segera ini, yang hanya mengandongi 50 atau 32 yunit untuk satu

projek dan di-maksudkan bagi bandar² kecil dan Kampong² Baharu. Oleh kerana semua Ahli² Pembangkang dalam Majlis Undangan Negeri dan semua Ahli² Pembangkang Parlimen dari Pulau Pinang datang dari Bandaraya George Town, saya kira tidaklah patut membuang masa mereka dengan menjemput mereka hadir dalam meshuarat² berkenaan dengan chadangan² di-luar Bandaraya George Town. Tetapi, walau bagaimana pun, sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu sedar tentang sa-barang keinginan perumahan tertentu dalam Kawasan Pilehan Raya-nya, saya amat besar hati mendengar daripada-nya sendiri sa-chara berjumpa dengan saya atau pun sa-chara bertulis. Tetapi bagaimana saya telah berkata tadi, ranchangan bangunan sekarang di-George Town patut dengan senang-nya memenuhi keperluan penduduk² berpendapatan kecil di-George Town, sa-kurang² sa-masa Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (dengan izin): May I ask a supplementary question, Mr Speaker, Sir? First of all, may I ask the Honourable Minister for Local Government and Housing whether the views of the Opposition with regard to low-cost housing not only in the George Town are but in other areas in Penang, which were raised by Opposition Members in the State Assembly where it should be properly raised by Opposition Members, were transmitted to the Honourable Minister?

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Yang di-Pertua, sa-masa ka-samasa saya ada cherita di-dalam meshuarat ini dan meshuarat di-tempat lain² persilakanlah semua orang Ahli² Parti Politik buat chadangan bertulis kepada Kementerian saya melalui Kerajaan Negeri, atau terus kepada Kementerian saya boleh dapat timbangan berkenaan dengan chadangan itu. Tadi saya ada kata sampai sekarang saya belum ada terima satu chadangan bertulis, atau mulut daripada Ahli² Parti Pembangkang. Saya harap-lah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong chukup kerjasama dengan Kementerian saya. Berkenaan dengan perkara ini saya hendak beri-

tahu perumpamaan Melayu: Hendak sa-ribu daya, tidak hendak sa-ribu upaya (*Tepok*).

Dr Lim Chong Eu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Bila lagi hendak chakap dalam bahasa Melayu?

Dr Lim Chong Eu: Saya minta izin hendak berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Bila lagi hendak chakap dalam bahasa Kebangsaan—tidak tahu-lah!

Dr Lim Chong Eu: Saya minta izin hendak berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Saya boleh beri izin, tetapi tidak sa-lama²-nya saya beri izin.

Dr Lim Chong Eu (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I would not like to elaborate here this point, but I think the Honourable Minister is aware of the fact that there is a further question from me which will be appearing later which strangely enough in text and in structure coincides with the statement which he recently made. To this extent, Sir, I hope the Honourable Minister would accept the fact that questions and suggestions that are put forward to him in this House should also be taken in the light of contribution to co-ordinate our attempts to bring low-cost housing to all the general public.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya itu?

Dr Lim Chong Eu: I ask whether the Minister is aware of the subsequent question which will appear later which deals with this question of low-cost housing.

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya boleh jawab-lah dalam masa yang sesuai.

PEMBERIAN MASA YANG SAMA DI-RADIO SARAWAK KEPADA PARTI POLITIK PADA MASA KEMPEN PILEHANRAYA AKAN DATANG

13. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran sa-masa kempen Pilehanraya yang akan datang, ada-kah Kerajaan Persekutuan akan bersetuju memberi masa yang sama di-Radio Sarawak kepada semua parti² politik yang menyokong Malaysia dengan tujuan supaya ra'ayat memahami dasar parti mereka dan juga menjawab kemushkilan² daripada orang ramai sabagai yang di-benarkan di-negeri² lain yang berdemokrasi.

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, peluang akan di-beri kepada Parti² Politik yang bertanding dalam Pilehanraya beruchap dalam soal policy, atau pun dasar parti mereka dan membuat apa² juga penjelasan terhadap perkara² 'am melalui Radio Malaysia Sarawak.

Ahli Yang Berhormat mungkin ingat Menteri Penerangan telah membuat pengakuan dalam Dewan yang bahagia ini dahulu dan menyatakan bahawa chara yang di-amalkan di-Malaysia Barat bagi memberikan masa siaran kepada Parti² Politik, ia-itu satu chara yang di-persetujui oleh semua parti² berkenaan akan terus di-jalankan. Saya suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dasar Kerajaan Perikatan ada-lah sentiasa bersikap adil dan saksama bagi mengekalkan perinsip² demokrasi dalam negara ini.

PENEBUSAN TANAH YANG DIGADAI OLEH KERAJAAN PAS

14. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu) [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian ada-kah benar bahawa Kerajaan Pusat sedang berikhtiar menebus tanah yang telah di-gadai oleh Kerajaan PAS agar tanah itu di-beri perchuma kepada ra'ayat Pantai Barat yang lapar tanah.

Menteri Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya tidak. Soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, nyata menunjukkan, ia-itu Kerajaan PAS tidak bertanggung-jawab langsung kepada ra'ayat. Kerajaan PAS tahu menggadaikan tanah sahaja, sa-telah ia-nya mendapat wang daripada perbuatan-nya yang nakal itu Kerajaan PAS berharap pula supaya Kerajaan Perikatan menyelamatkan-nya daripada bankruptcy.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Tanah dan Galian mema'alumkan kepada Dewan ini berapa-kah jumlah-nya wang yang telah di-dapati oleh Kerajaan Negeri Kelantan sa-telah gadai tanah dalam negeri Kelantan itu?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat hairan Ahli Yang Berhormat ini Ahli Parti PAS dia tidak tahu berapa Kerajaan dia dapat daripada gadai tanah itu.

MEMBUKA KAWASAN² SELAMAT DI-GUNONG LEDANG, GUNONG JERAI DAN GUNONG TAHAN

15. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian ada-kah bahawa Kerajaan sedang membuka kawasan² selamat dari banjir di-Gunong Ledang, Gunong Jerai dan Gunong Tahan, dan jika benar, berapa banyak wang di-untukkan bagi projek itu.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat tidak ada apa² ranchangan hendak membuka kawasan² yang terselamat daripada banjir di-Gunong Ledang, Gunong Jerai dan Gunong Tahan. Mengikut keterangan yang Kementerian saya terima daripada Kerajaan² Negeri yang berkenaan mereka pun tidak ada juga apa² ranchangan demikian.

RANCHANGAN² TANAMAN GETAH

16. Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak) bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, apa-kah langkah yang telah di-ambil oleh Kementerian beliau, memandangkan bahawa ranchangan² tanaman getah tidak memberi harapan ekonomi yang cerah, terutama kepada Sarawak. Ada-kah Kerajaan Persekutuan akan menimbangkan supaya peruntokan besar bagi tanaman getah di-arrah kepada ranchangan lain dalam bidang Pertanian terutama ranchangan mengeluarkan makanan termasuk tanaman kelapa sawit.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa nilai ekonomi ranchangan² tanam getah kita ada-lah diragu²kan, atau di-sangsi kerana saya rasa ranchangan² yang kita jalankan dengan menggunakan beneh² yang baik dan boleh mengeluarkan hasil yang tinggi itu ia-lah satu langkah yang sangat tepat di-ambil oleh Kerajaan bagi perkembangan perusahaan getah yang sedang menghadapi pertandingan hebat dengan getah² tiruan. Sa-bagai hasil daripada Ranchangan² Tanaman dan Pemulehan Sa-mula Getah, Sarawak, telah mempunyai lebih kurang 30% daripada jumlah luas kebun² getah yang sekarang di-tanam dengan beneh² getah yang baik dan tinggi penghasilan-nya.

Peruntokan sa-banyak \$61 juta kepada Sarawak bagi tahun 1966 hingga 1970 ia-lah untuk membiayai perbelanjaan menanam dan memuleh sa-mula getah sa-luas 105,000 ekar dengan tujuan supaya menjadikan pekebun² kechil itu lebih beruntung dan boleh bersaing dengan menghadapi kejatohan harga getah. Walau bagaimana pun ada-lah menjadi dasar Kerajaan meluaskan pertanian anika jenis bagi mengelakkan daripada lebih bergantung kepada getah sahaja.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ke-sepuloh).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 29—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala B. 29 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi, saya teruskan jawapan² saya kepada Ahli² Yang Berhormat.

The Member for Batu mentioned about the number of superscale posts for Laboratory Assistants. He said that it is inadequate that the three posts provided in the Estimates have not been increased since he was in the Government Service, and that Laboratory Assistants are dissatisfied and have resorted to work-to-rule and refuse to do overtime work. Sir, it is not correct to say that there are only three posts for the promotion of Laboratory Assistants. In my Ministry's Estimates, there are a total of 44 promotion posts, namely, 32 special grade posts, 7 superscale posts and five experimental officers posts, under items (103) (i), 179 (i), 259, 260 and 264 (i) of Sub-head 1 of Head B. 29.

He mentioned also that the provision of \$10 is not considered adequate for the publication of the book on "Anopheline Mosquitoes of the Malay Peninsula". Sir, a token vote of \$10 has been entered, because the author has not yet completed writing the book. When the book is completed, the actual amount required for publication will be requested from the Treasury.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): On a point of clarification, Mr Chairman,

Sir, can the Honourable Minister then explain as to why on page 301, right at the top, for Laboratory Assistants, Special Grade, there are only three posts and for timescale posts last year there were 74 and now increased to 84 and for Laboratory Assistants training posts, timescale, there were 90 last year and this year also 90.

Tuan Bahaman bin Samsudin: I cannot reply on that point now, but I shall give a note to my Honourable friend for Batu on the question that he has asked just now.

He also stated that there was no provision for anti-malarial control measures in F.L.D.A. schemes. Sir, the control of malaria and its subsequent eradication from F.L.D.A. areas have been included in the total eradication scheme of the country. As such, the funds required for this purpose have been included in Sub-head 4, which shows an increase of \$91,300 over last year's provision.

He said also that no action has been taken by the Health Office in a District to investigate into the case of malaria notified by a private practitioner despite reminders. Sir, an immediate investigation will be made regarding the matter. He also said that the notification form is considered obsolete and should be amended. Sir, this form will be amended when the Public Health Act consolidating the various health laws in this country now under preparation is legislated.

He said that the provision of \$600,000 spent on telegrams and telephones is considered too much. Sir, the actual increase in this vote is only \$10,000 over that of last year. Even this is not sufficient to cater for the overall expanding requirements of the medical, health and dental services. More telephones are required for hospitals, health centres, clinics, medical officers and other senior staff required to be on call duty. We are dealing with life and death and work must be done quickly. So, we need all these telephones and telegrams and what not.

He also said about the provision of \$2.2 million for Transport and Travel-

ling being too much or too large. Sir, the actual increase here is only \$28,000. The Ministry has expanded its services far into the rural areas and has undertaken new projects such as public health education, environmental sanitation, communicable disease control, school dental health service, and so on and these activities entail a lot of travelling, and allowances for training, transfers, costs of local conferences and courses are being paid out of this vote. I am sure the Honourable Member does not want the officers to lie idle in their offices and read cartoons.

He also suggested that I should see that the provision for motor vehicles should not be cut as ambulances have broken down frequently. Sir, under this provision, not only ambulances are purchased but also all types of vehicles required by the health, dental and medical departments. It is quite true, of course, that some ambulances are not in good condition. Our requirements for vehicles have by no means been satisfied and in spite of financial stringencies, we made a strong bid for more money but, as you know, the Ministry was provided only with \$424,900. That is all they could give us.

He also mentioned the small provision of \$90,000 for employment of part-time doctors and this, he says, is insufficient and that the State of Selangor has turned down several applications from private medical practitioners. Sir, I am aware that the provision is not enough, and my Ministry will be submitting a memorandum to the Government to expand this scheme. My Ministry requires the services of part-time doctors in areas where the shortage is most acute, which are in the small district Hospitals and Health Centres. I would like to see a more rational distribution of doctors. I welcome and note the assurance given by the Honourable Member for Batu, who is currently the President of the M.M.A., that private practitioners will respond readily to the call of my Ministry.

He also asked that the Dental School be established as quickly as

possible, so that the dental health of the people in this country will not deteriorate. Sir, I agree with him. My Ministry is fully aware of the urgent necessity to establish a Dental Faculty. In the plan of the Medical Centre of the University of Malaya, provision has been made to accommodate a Dental Section within the complex. We are actively engaged in exploring every possible avenue of financial assistance from external sources. As soon as funds become available, the project will be implemented without delay. In fact, a token item for this project has been included in the 1968 Development Estimates.

Sekarang saya suka hendak menjawab Ahli Yang Berhormat dari Parit. Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Kementerian saya tidak mengambil berat di-atas kesihatan penduduk² luar bandar—itu ada-lah tidak benar. Memang dasar Kerajaan mengutamakan ranchangan luar bandar, kerana kita sedar di-atas peri mustahaknya meninggikan taraf kesihatan penduduk² luar bandar yang telah terbiar oleh penjajah dahulu. Maka dengan sebab itu-lah beratus² Pusat Kesihatan dan Klinik² bidan telah di-bena dan beribu² kakitangan perubatan dan kesihatan di-beri latehan untuk mengatasi masalaah ini. Sa-lain daripada itu berbagai ranchangan telah di-jalankan oleh Kementerian saya bagi menchapai tujuan itu. Ini telah pun saya terangkan dalam ucapan saya dan di-harap Ahli Yang Berhormat itu akan membacha dalam Hansard nanti.

Ahli Yang Berhormat tentu-lah ber-setuju ia-itu hasil kejayaan sa-suatu ranchangan itu tentu akan mengambil masa yang panjang. Ia menyebutkan yang sa-tengah tengah kelinik dan gudang ubat kata-nya tidak di-lengkapi dengan pegawai² urusan di-jalankan chuma dengan chara lawatan sahaja. Tuan Pengerusi, kita sekarang sedang melateh beribu² kaki-tangan saperti yang saya nyatakan tadi. Apabila chukup kaki-tangan yang terlatah maka dapat-lah kelinik² dan gudang² ubat di-lengkapi dengan sa-penoh-nya. Buat sementara, urusan ini chuma dapat

di-jalankan dengan chara lawatan sahaja.

Dia menyebutkan juga ia-itu rawatan dan perubatan yang di-beri di-klinik² itu di-katakan Kelas III sahaja dan ada ubat di-champor ayer. Tuan Pengerusi, tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar, sebab rawatan dan ubatan yang di-beri itu tidak ada perbedzaan kelas sama ada di-bandar, di-luar bandar atau di-mana² sa-kali pun. Ada ubat kena di-champor dengan ayer, ada ubat tidak payah mengikut prescription doktor², atau Pembantu² Rumah Sakit. Jikalau mithal-nya ubat julap, kalau tidak di-champor ayer, harus juga orang yang memakan julap itu pengsan.

Dia, nampak-nya, naik marah kerana rumah sakit di-kawasan-nya, di-Parit, tidak berdiri hingga sekarang ini dan peruntokan ada \$10,000 sahaja tahun ini; dia mengatakan penduduk ada 100,000 dan 95% daripada-nya ada-lah orang miskin dan bumiputera dan beragama Islam. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini saya bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat itu. Parit ada-lah tempat saya lari masa perang Jepun dahulu dan saya tahu sangat keadaan di-kawasan ini dan seluroh Sungai Perak, kerana saya berpuluh tahun kerja di-negeri Perak.

Peruntokan \$10,000 itu ia-lah tanda permulaan. Kerja akan di-buat kerana menyiapkan tapak dan sa-bagai-nya. Jabatan Kerja Raya sedang mengadakan pelan rumah sakit ini yang akan memakan perbelanjaan lebeh kurang \$1 juta. Apabila pelan ini siap, di-agak sa-belum habis tahun ini, kerja Rumah Sakit Changkat Melintang itu akan di-mulakan. \$10,000 itu anggaran permulaan sahaja.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi: saya faham apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri, ia-itu sa-rupa juga apa yang di-katakan kapada Dewan ini pada tahun 1967 masa saya bentangkan juga perkara Rumah Sakit di-Changkat Melintang, ia-itu Peruntokan \$10,000

telah pun di-untukkan untuk menjalankan projek hendak membenakan rumah sakit. Tetapi pada tahun 1967 wang ini tidak di-belanjakan dan saya kata re-vote atau di-peruntukan balek pada tahun 1968—mengapa kapada tahun 1967 wang sa-banyak \$10,000 ini tidak di-belanjakan? Jikalau sebab-nya pelan ini ada di-dalam proses di-dalam Juru-tera P.W.D. mengapa hendak membuat pelan itu sampai tujuh tahun, Tuan Pengerusi?

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Pengerusi, itu-lah saya nyatakan tadi, kelambatan perkara membena rumah sakit ini, ia-lah kerana proses yang di-jalankan oleh Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya. Pelan itu tidak siap, Jabatan Kerja Raya banyak kerja, tanggungan-nya berat barangkali; jadi itu-lah fasal-nya, bukan-nya Kementerian saya tidak ingin; yang saya katakan tadi kita ingin sangat mengadakan Rumah Sakit di-Changkat Melintang itu.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor telah menyatakan tidak puas hati-nya atas Kelas I di-Rumah Sakit Johor Bahru dan menhadangkan di-adakan bangunan baharu. Tuan Pengerusi, Wad Kelas I, Rumah Sakit Umum, Johor Bahru itu bukan-lah begitu buroh kedudukan-nya; jikalau di-bandingkan dengan Wad² Kelas I di-Rumah² Sakit Umum yang lain, begitu juga-lah kelengkapan²-nya. Saya sendiri akan melawat rumah sakit ini dan siasat keadaan yang sa-benar-nya, sama ada mustahak di-bena bangunan baharu, atau di-perbaiki Kelas I yang ada sekarang akan di-timbangkan.

The Honourable Member from Sarawak stated yesterday that Medical Officers in West Malaysia have better salary scales than those in East Malaysia, and that this anomaly should be rectified; he also mentioned about the shortage of doctors and said that the Ministry should recruit more for East Malaysia. Sir, it is not strictly true that the salary scales of Medical Officers in West Malaysia are better than those in East Malaysia. The initial salary in West Malaysia is higher than that in East Malaysia, but the maximum and

superscale salary structure of the latter is very much better. I believe that the question of harmonising salary scales of West and East Malaysian officers has been considered by the Suffian Salaries Commission. However, the Central Government is ready to consider any proposal by the State Government of Sarawak regarding this matter.

With regard to the recruitment of doctors in Sarawak, it is left to the Director of Medical Services there. There is an increase of 7 posts of specialists, medical and dental officers, for Sarawak in 1968. The Medical Registration Ordinance, Sarawak, has been amended to enable Malaysian doctors with non-registrable foreign degrees to be recruited in Sarawak. My Ministry has seconded one specialist to Sarawak, and about 7 or 8 doctors, sent overseas by the State Government, will be coming back soon.

He also touched on the question of nurses qualified before 1965 not being recognized as State Registered Nurses and that the senior nursing posts held by nurses from West Malaysian should be given to nurses in Sarawak. My Ministry is looking into this matter, and it is proposed that those without the S.R.N. qualification be given further training in the subject which they have not been trained to enable them to qualify for registration as State Registered Nurses. As far as I am aware, no nurses from West Malaysia have been seconded to fill posts of Senior Nurses.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam telah menyebutkan banyak Pusat² Kesihatan tidak ada Pegawai Perubatan, dalam kawasan-nya belum ada doktor² dalam Pusat² Kesihatan Kechil. Tuan Pengerusi, memang-lah dasar Kementerian saya untuk menempatkan sa-orang Pegawai Perubatan pada tiap² Pusat Kesihatan besar. Sa-orang Pegawai Perubatan akan di-tempatkan apabila ada chukup bilangan pegawai² tersebut. Pegawai² Perubatan tidak akan di-tempatkan pada mana² Pusat Kesihatan Kechil. Pegawai Perubatan dari Pusat Kesihatan Besar

melawat Pusat² Kesihatan Kechil tersebut dalam kawasan-nya. Dia juga menyebutkan pengambilan doktor dari luar negeri. Kementerian saya sanggup menimbang permohonan daripada doktor² daripada mana² negeri sahabat. Memang ada chadangan mengambil doktor² dari Indonesia dan sa-orang di-jangka akan tiba tidak berapa lama lagi. Ia juga menyebutkan perkhidmatan bidan² dalam kawasan luar bandar, kata-nya mereka bekerja dalam keadaan tidak memuaskan dan merbahaya. Dia menhadangkan di-beri elaun khas.

Tuan Pengerusi, banyak pegawai² lain yang juga bekerja di-luar bandar dan keadaan pekerjaan mereka sama juga susah dan merbahaya seperti bidan. Memberi elaun khas kepada bidan akan melibatkan beberapa kesulitan di-dalam masalah kewangan. Sungguh pun begitu, Kementerian saya telah pun menubuhkan satu Jawatan-kuasa untuk menimbangkan masalah ini. Dia juga menyebutkan yang bidan² tidak dapat menjalankan tugas dalam masa chuti kelepasan 'am, tidak ada ganti, dan peratoran sesuai patut-lah di-buat. Saya tidak dapat mengalakkan ibu² daripada bersalin pada Hari Kelapasan 'Am. Sungguh pun begitu jika ada bidan yang menjalankan tugas mereka pada Hari Kelepasan 'Am, mereka akan di-beri overtime allowance. Apabila sampai masa Kementerian dapat melatehkan banyak lagi bidan, Kementerian saya akan mengadakan giliran bagi bidan² itu dan akan menghentikan bayaran overtime allowance kepada mereka.

Dia juga menyebutkan kerosakan kereta² ubat yang mengambil lama sedikit untuk di-perbaiki, dan dia menhadangkan supaya kereta² itu di-hantar kepada workshop² private. Saya bersetuju dengan chadangan ini, kerana itu Kementerian saya sedang berikhtiar untuk dapat kebenaran kereta² yang rosak itu di-hantar kepada workshop private.

Dia juga menyebutkan Pembantu Rumah Sakit di-kawasan-nya telah bersara kata-nya tidak ada ganti. Beberapa orang Pembantu Rumah

Sakit yang baharu lulus akan di-hantar ka-Negeri Johor mulai 1hb Mach tahun 1968 ini. Dan terpulang-lah kepada Ketua Pegawai Perubatan dan Kesihatan Johor bagi menempatkan mereka itu, sama ada kawasan itu akan dapat Pembantu Rumah Sakit, terpulang-lah kepada Ketua Pegawai Perubatan dan Kesihatan Johor.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah menyebutkan berkenaan dengan penchehah tibi, kata-nya peruntukan biasa-nya \$1 juta sedangkan peruntukan untuk badan² sukarela ada di-tunjokkan peruntukan \$100 ribu yang kata-nya tidak cukup, di-minta lebeh lagi pada masa hadapan. Tuan Pengerusi, Kementerian saya menghargakan kerja² yang di-buat oleh badan² sukarela menchehah penyakit tibi, dan dengan sebab banyak-nya badan² itu, maka tidak-lah dapat di-tunjokkan satu persatu di-dalam peranggaran ini, melainkan di-satukan di-bawah satu Kepala-kecil sahaja ia-itu Perbelanjaan Khas 60—Bantuan kepada Persatuan Menchehah Penyakit tibi sa-banyak \$106,000. Dengan disebabkan kedudukan kewangan negara kita pada masa ini ada-lah sempit, Kementerian saya chuma dapat menimbangkan bantuan² yang mustahak sahaja di-beri kepada badan² yang sukarela bagi kerja² perubatan dan kebajikan dan dengan kemajuan² yang di-chapai dalam bidang perkhidmatan perubatan dan kesihatan di-kawasan² dalam dan luar bandar bagi kawasan² yang terdahulu-nya di-jalankan oleh badan² sukarela itu, maka sekarang ini di-jalankan oleh pegawai² dari Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Saya hendak bertanya Menteri banyak-kah lagi?

Tuan Bahaman bin Samsudin: Banyak lagi, barangkali satu jam lagi.

Tuan Pengerusi: Kalau satu jam, saya akan tempohkan meshuarat ini. Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.45 pagi.

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat
Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan jawapan saya. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar menyebutkan juga berkenaan dengan di-adakan Fakulti Pergigian. Saya telah memberi jawapan tatkala menjawab Ahli Yang Berhormat dari Batu. Dia juga menyebutkan Neuro Surgical Unit lebih baik kata-nya di-utamakan Fakulti Pergigian daripada unit ini. Tuan Pengerusi, tentang Bahagian Penyakit Otak di-Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur, pelaksanaan-nya itu bergantung di-atas bantuan dari luar negeri.

Dia juga menyebutkan St. John Ambulance tidak cukup duit, dan kerja banyak, dan kata-nya saya sebagai Pengerusi St. John Ambulance patut timbangkan; chadangan ini akan di-timbangkan apabila kedudukan kewangan negara bertambah baik.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir menyebutkan yang ibu² bersalin di-Rumah Sakit di-suroh membuang semua pakaian sa-masa bersalin. Perintah ini kata-nya patut di-batalkan, kerana memalukan dan menakutkan ibu² bersalin.

Tuan Pengerusi, pakaian ibu² yang bersalin di-Rumah² Sakit di-kehendaki meluchutkan dan di-gantikan dengan pakaian khas untuk mereka itu. Chara ini tidak dapat-lah hendak di-batalkan, kerana menjaga kebersehan dan keselamatan supaya tidak di-hinggapi kuman² bagi ibu² yang akan melahirkan anaknya tatkala berada di-bilek bersalin. Dan dia juga menchadangkan sagu hati di-beri kepada Bidan² Kampong. Masaalah ini, Tuan Pengerusi, sedang di-timbangkan. Saya telah beri jawapan tadi kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani, menyatakan peruntukan untuk Tabong Darah patut di-perbesarkan, dan menyebutkan kekurangan dan kerja² yang patut di-buat dan di-adakan chadangan satu pusat untuk menjalankan kerja² Tabong Darah ini. Tuan Pengerusi, saya sedar peruntukan ini ada-lah kurang, tetapi oleh kerana kedudukan wang negara terlalu sempit, maka peruntukan tidak dapat ditambah. Kementerian saya telah menubuhkan satu Badan Pusat Kebangsaan untuk menyelenggarakan Tabong Darah dan perkhidmatan pemberian darah ka-seluruh negara. Perkara ini sedang di-susun saperti yang saya nyatakan dalam ucapan saya dahulu. Dengan ada-nya badan ini kita harap chara² menderma darah dan menyimpan darah yang sangat perlu untuk menyelamatkan jiwa itu akan bertambah baik dan segala kerumitan yang ada pada masa ini akan berhapus.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan minta saya ambil perhatian berkenaan dengan menchegeh malaria. Kata-nya, patut juga di-jalankan di-Ulu Kelantan. Ranchangan membasmi malaria di-Kelantan akan di-mulakan dalam tahun 1969. Ia juga minta hantarkan pegawai² kanan ka-tempat yang tidak ada kemudahan perubatan dan kesihatan dan menyiasat keadaan kesihatan penduduk². Ini sedang berjalan di-beberapa tempat, tetapi oleh kerana kekurangan kakitangan, maka belum dapat di-jalankan pada semua² tempat. Dia juga minta adakan banyak lagi kursus pelajaran kesihatan kepada penduduk² luar bandar untuk membaiki keadaan mereka. Kursus² tidak di-jalankan, tetapi sharahan berkenaan dengan kesihatan dengan tujuan meninggikan taraf kesihatan penduduk² luar bandar di-beri daripada Pusat² Kesihatan Kechil dan Klinik².

Ahli Yang Berhormat itu juga menchadangkan di-adakan motor² bot supaya pergi melawat tempat yang jauh yang tidak dapat di-lalui dengan jalan darat. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, Ketua Pegawai Perubatan dan Kesihatan Negeri Kelantan boleh menyewa motor² bot itu untuk menjalankan dan membayar daripada peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan

untuk sementara, hingga kita dapat wang untuk membeli motor² bot itu untuk perkhidmatan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan yang barang² yang di-beri oleh Jepun, ia-itu satu mesin Jepun dahulu yang sampai di-Kuala Krai telah di-tarek balek dan dia minta di-kembalikan. Tuan Pengerusi, dengan tujuan memperbaiki Perkhidmatan Ma'amal, Kementerian saya telah memusatkan perkhidmatan tersebut dalam Rumah² Sakit Umum di-mana ada di-tempatkan sa-orang Doktor Pathology. Rumah Sakit Umum itu ia-lah di-Kota Bharu. Perkakas ma'amal yang di-perlukan di-Rumah Sakit, Kuala Krai, ada-lah menchukupi, kerana kerja² pemereksaan biasa. Perkakas yang di-pindahkan itu, mustahak di-tempat di-Pusat, dan di-gunakan bagi perkhidmatan seluroh Negeri Kelantan termasuk Kuala Krai. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan di-Rumah Sakit Kuala Krai, kanak² terpaksa memakai pakaian sendiri. Biasanya, Tuan Pengerusi, pakaian ada disediakan untuk semua orang sakit yang masuk ka-dalam Rumah² Sakit. Boleh jadi pada masa itu waktu hujan, dan orang² sakit terpaksa memakai pakaian sendiri. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan alat² dan perkakas di-sebabkan banjir hendak-lah di-ganti. Tuan Pengerusi, tindakan akan di-ambil untuk mendapatkan wang daripada Perbendaharaan untuk mengganti perkakas² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah berchakap panjang dan memberi berbagai² chadangan. Yang pertama-nya dia menchadangkan supaya mengkaji dan membuat laporan di-atas National Health Insurance Scheme. Tuan Pengerusi, Kerajaan tidak berchadang hendak mengadakan Ranchangan Insurance Kesihatan Kebangsaan, sebab²-nya ia-lah pada masa ini perkhidmatan Kesihatan terutama sa-kali di-kawasan luar bandar di-jalankan dengan perchuma sahaja. Wal-hal jika di-adakan ranchangan itu, maka sa-bahagian besar penduduk² terutama-nya di-luar bandar akan terpaksa membayar kerana rawatan dan ubat² yang di-terima daripada gudang² ubat dan di-tempat² lain

yang di-jalankan oleh Kerajaan. Ini akan memberatkan tanggungan ra'ayat. Saya mendapat tahu Kementerian Buroh sedang berikhtiar bagi mengadakan satu Social Security Insurance Scheme di-mana termasuk jagaan kesihatan pekerja² dan saya perchaya perkara ini akan dapat menolong sa-bahagian daripada penduduk² di-negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya Kementerian saya berikhtiar mengechualikan chukai² di-atas ubat² dari luar negeri yang di-beri kepada Badan² Sukarela. Tuan Pengerusi, Badan² Sukarela itu patut memohon kepada Perbendaharaan untuk mengechualikan ubat² itu daripada kena chukai. Jawatan², kata-nya, Badan Pemilihan hendak-lah memberi keutamaan kepada bumiputra yang layak bagi jawatan di-luar bandar. Tuan Pengerusi, ramai juga bumiputera yang telah di-ambil bagi memenohi jawatan² perkhidmatan di-luar bandar, tetapi kebanyakan bumiputera² yang telah di-ambil itu tidak berapa suka hendak balek berkhidmat di-kawasan luar bandar. Ini-lah satu penyakit kita. Sudah dapat dia tengok letrik dan bekalan ayer dan macham² di-pekan, dia tidak mahu balek ka-kampong, apa hendak kita buat.

Ahli Yang Berhormat itu juga menchadangkan Pegawai² Kementerian hendak-lah menggunakan tanda "Name Badge"; ini akan di-laksanakan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat minta pertukaran Pegawai² Perempuan, Kementerian di-minta memberi perhatian di-atas pertukaran Pegawai² Perempuan yang bersuami. Ini perkara susah, Tuan Pengerusi, tetapi sa-berapa boleh apabila menukarkan pegawai² keadaan berkahwin, mereka ada-lah satu faktor yang di-beri perhatian.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta Kementerian bertimbang rasa dengan Pegawai² Perubatan jahan sampai mereka meletakkan jawatan. Tuan Pengerusi, Kementerian saya sentiasa bertimbang rasa kepada Pegawai² Perubatan, tetapi saya tidak boleh menahan mereka daripada meletakkan jawatan, sa-kira-nya mereka

hendak berbuat demikian. Ma'alum-lah, Tuan Pengerusi, perniagaan private maseh lagi mendatangkan hasil yang lumayan.

Ada juga yang tidak puas hati kerana bertukar, atau hendak naik pangkat dengan segera. Ini tidak dapat kita ikutkan. Ahli Yang Berhormat itu berkata juga dan dia berharap banyak lagi doktor² pelatoh di-amil. Jawatan doktor pelatoh telah bertambah kepada 110 jawatan bagi tahun 1968 dan semua jawatan² ini telah pun di-penohi.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan yang jawatan Ketua Jururawat berlebihan—top heavy, minta siasat perkara ini. Tuan Pengerusi, ada-lah mustahak bagi tiap² wad yang besar di-adakan sa-orang Ketua Jururawat. Pada masa ini maseh lagi kurang pegawai² ini dan sa-orang Ketua Jururawat terpaksa menjaga dua atau tiga wad. Atoran sa-masa Ahli Yang Berhormat itu dalam jawatan perubatan dahulu lain, sekarang lain, dunia maju ka-hadapan.

Ahli Yang Berhormat itu juga minta berhentikan pengambilan Jururawat dan ambil lebeh lagi Penolong Jururawat. Tuan Pengerusi, Jururawat² mustahak menjalankan kerja² yang berkehendakkan kepandaian profesional dan juga mengawasi dan melatoh Penolong² Jururawat. Penolong Jururawat menerima latehan yang berlainan dari Jururawat dan dari itu mereka tidak boleh menjadi Ketua Jururawat. Jawatan Special Grade di-adakan bagi mereka itu.

Ahli Yang Berhormat juga minta lebehkan lagi jawatan Pembantu Rumah Sakit. Tuan Pengerusi, ada 1,549 jawatan Pembantu Rumah sakit pada masa ini, dan daripada angka ini sa-banyak 356 jawatan maseh kosong. Sekarang ini recruitment akan di-jalankan untuk mengisi di-tempat² yang kosong itu. Ada kata-nya Pembantu Rumah Sakit membuat kerja receptionist; ini patut di-baiki, perkara ini akan di-amil ingatan dan kedudukan ini akan di-perbaiki.

Ahli Yang Berhormat juga minta beri lebeh peruntokan untuk pelajaran

kesihatan umum supaya dapat di-perluaskan perkhidmatan itu. Negeri² dan Majlis² Tempatan boleh di-minta mengeluarkan wang untuk hal ini. Tuan Pengerusi, saya sedar banyak lagi wang di-kehendaki untuk Pelajaran Kesihatan Umum, tetapi oleh kerana kedudukan kewangan negara kita sempit masa ini, wang tambahan tidak di-dapati. Oleh kerana perkara ini ada-lah kewajipan Federal, saya tidak fikir Kerajaan² Negeri dan Majlis² Tempatan patut di-minta mengeluarkan wang.

Ahli Yang Berhormat itu minta beri peluang dan kemudahan untuk penuntut² mempelajari Pharmaceutical Chemist yang sekarang ini berkurangan. Tuan Pengerusi, saya telah sebutkan perkara ini dalam ucapan saya bahawa Kementerian saya sedang menimbangkan untuk mengadakan School of Pharmacy di-Universiti Malaya.

Ahli Yang Berhormat itu juga minta tambahan peruntokan bagi badan sukarela. Ini telah di-terangkan apabila saya menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tadi. Dia juga minta beri elaun kepada ahli² Palang Merah dan St. John Ambulance yang bekerja dalam rumah sakit. Ahli² Palang Merah dan St. John Ambulance yang bekerja di-rumah sakit itu ada-lah dengan sukarela dan jika di-bayar elaun, maka tidak ada ma'ana langsung dengan tujuan badan² sukarela itu, tambahan pula persatuan² mereka di-beri bantuan oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat minta beri keutamaan kepada Ahli² Red Cross dan St. John Ambulance untuk jawatan dalam rumah sakit seperti Jururawat dan Penolong Jururawat. Tuan Pengerusi, pengambilan jawatan² seperti Jururawat dan Penolong Jururawat itu ada-lah di-buat oleh Surohan-jaya Perkhidmatan 'Awam, sa-lain daripada kelulusan yang di-kehendaki di-dalam Sekim Perkhidmatan, saya perchaya latehan² dan kebolehan ahli sukarela itu akan di-timbangkan masa pemilehan itu di-buat.

Ahli Yang Berhormat itu minta pemberian \$500,000 kepada Lady Templer Hospital itu kata-nya patut

di-berhentikan. Tuan Pengerusi, perkhidmatan rumah sakit T.B. Lady Templer itu ia-lah tambahan sahaja kepada perkhidmatan yang di-jalankan oleh Kementerian saya sa-hingga sampai masa apabila Kementerian ini dapat memberi perkhidmatan yang chukup-nya, maka bantuan ini kenalah di-lanjutkan.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan tidak perlu di-adakan belanja untuk melateh Jururawat di-United Kingdom dan Australia. Tuan Pengerusi, peruntukan ini bukan-lah untuk menghantar Jururawat² ka-United Kingdom dan Australia, akan tetapi di-sediakan untuk mereka² yang pada masa ini berada di-negeri² itu. Apabila mereka semua pulang, maka peruntukan ini tidak perlu lagi.

Ahli Yang Berhormat minta tambah doktor lagi di-Bukit Mertajam. Perkara ini akan di-timbangkan apabila kedudukan Pegawai² Perubatan ini bertambah baik. Kita sekarang masah kekurangan doktor.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Tanjong mentioned about the provision for the Eradication of Malaria and he said that this is still inadequate. Sir, the attention of the Honourable Member is invited to Sub-head 1, items (380) to (393), Sub-head 4 and Sub-head 76 which provide a total sum of \$6,746,160 for the Malaria Eradication Programme. I agree, Sir, that it is still inadequate, but that is all we can get from the Treasury.

The Honourable Member also mentioned about the token vote of \$10 for the F.R.A.C.S. Examination in Singapore and he said that the Government should send doctors in the Government Service to participate in the Examination. Sir, the holding of the F.R.A.C.S. Course and Examination is dependent on the availability of lecturers and examiners from Australia under the Colombo Plan and also the availability of facilities at the University of Singapore. When arrangements are finalised for the conduct of this Course and Examination, additional funds will be sought from the Treasury.

The Honourable Member also mentioned about the *Sea-Snake and Venam* Research. He said that there should be a bigger provision for this. Sir, the activities of this Division were curtailed last year because of the lack of staff.

He also mentioned about the expansion of the University Hospital and he said that he found, that the allocation had been cut. Sir, I mentioned this reduction in my presentation of the estimates of my Ministry. The reduction is due to the accurate estimation of the recurrent cost of the Teaching Hospital in 1968.

The Honourable Member mentioned about the Cardiac Unit, Penang—he said up to now it is still not established in spite of much money being spent on this subject. Sir, I wish to explain that this is a very difficult matter. I am sure the Honourable Member, who is a professional man himself, will agree with me that even in developed countries to set up a new unit of this highly complex and extremely expensive nature takes a number of years. We are only a developing country and I must entreat the Honourable Member to bear patiently with me for a few more years to enable us to establish this Unit fully. The Government did not spend any money on the training of these specialist surgeons and physicians—they were trained under Colombo Plan assistance. The cost of this Cardiac Unit, to be fully equipped and housed, will be in the region of \$3.2 million. A single case open heart surgery inclusive of overhead charges will cost the Government \$30,000. It is precisely for the very same reason, as pointed out by the Honourable Member, namely, to avoid unnecessary Government expenditure, that my Ministry is seeking financial assistance not only from the private sector in this country but also financial aid and donations of costly equipment from friendly overseas countries. I can assure the Honourable Member that the Cardiac Unit will be established in due course at the General Hospital, Penang, and that the services of the trained specialist surgeons and physicians will not go to

waste. The sooner we get public assistance the sooner the Unit will be established.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah menyebutkan perkara Tabong Darah dan menhadangkan pemberian medal² dan penderma² di-beri sagu hati; saya telah beri keterangan tadi ia-itu perkara² ini akan di-ambil perhatian.

Tabong Darah ini telah di-adakan Badan Pertubuhan Pusat. Badan Pusat ini-lah akan menyelenggarakan berkenaan dengan tabong darah dan medal² itu.

Penyelidikan ular, kata-nya, minta di-siasat di-Snake Temple, Penang, dan ular² bisa hendak-lah di-keluarkan. Perkara ini akan di-siasat dan apa² tindakan yang di-fikirkan perlu akan di-ambil.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut hal pembedahan mayat, kechualikan bagi mayat² Islam. Tuan Pengerusi, perkara ini selalu berbangkit dan saya suka memberi fahaman kepada Ahli² Yang Berhormat ia-itu mayat orang² Islam sa-berapa boleh-nya di-kechualikan daripada pembedahan, melainkan sa-kira-nya di-kehendaki oleh pehak Polis.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta siasat Pembantu Rumah Sakit di-Merlimau, perkara pegawai ini kata-nya sementara, minta di-jadikan pegawai tetap. Perkara ini akan di-siasat dan akan di-ambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut minta hantar sa-orang doktor di-rumah sakit di-kawasan-nya. Ahli Yang Berhormat ini selalu membangkitkan perkara ini, tetapi saya selalu juga menyatakan balek, ia-itu kita sekarang maseh kekurangan doktor dan saya menjamin-lah bila Kementerian ini dapat doktor di-tambah lagi, saya akan hantar sa-orang ka-Parit Buntar. Dia juga meminta Kelas Dua untuk Rumah Sakit Parit Buntar, ini akan di-siasat. Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut perkara malaria yang telah usaha menchegeh malaria telah di-berhentikan kata-nya di-kawasan-nya. Kerja menchegeh malaria ini tidak di-berhentikan sa-hingga kawasan itu di-

masukkan ka-dalam ranchangan pembasmian malaria. Saya akan menyiasat perkara ini dan jika benar, saya akan minta mereka menyambong sa-mula. Ahli Yang Berhormat menyebutkan penyakit chaching kerawit, minta adakan peruntukan khas dalam usaha ini. Peruntukan khas tidak di-kehendaki lagi pada ketika ini di-sebabkan di-dalam ranchangan menghapuskan chaching kerawit satu ranchangan permulaan akan di-jalankan di-kalangan kanak² sekolah. Apabila sampai masanya di-kehendaki peruntukan khas, saya tidak akan ragu² membentangkan permohonan di-Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam menyatakan wakil Ketua Pegawai Perubatan Kesihatan Negeri Selangor jarang sa-kali hadhir di-meshuarat Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar. Dan juga kata-nya Pegawai Kesihatan di-Sabak Bernam tidak menjalankan usaha² kerja kesihatan di-kawasan itu. Dia juga menyebut tentang sa-orang Pembantu Rumah Sakit di-Sungai Ayer Tawar ia-itu di-Pusat Kesihatan Kechil, di-mana sa-orang Pembantu Rumah Sakit bernama Haji Nordin bin Boket telah ditukarkan ka-Kuala Lumpur dan minta di-hantar dia balek, atau minta ganti-nya. Tuan Pengerusi, segala perkara² yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan di-ambil perhatian dan tindakan yang di-fikirkan perlu akan di-jalankan.

The Member for Port Dickson requests for a new Hospital in Port Dickson. Sir, the existing Hospital in Port Dickson is sufficient for present-day needs. The time has not come yet for a new Hospital to be built in Port Dickson. It costs a lot of money to build a hospital and, at present, of course, we have no money to spare.

He mentioned about Specialists discriminating paying and non-paying patients. Sir, I am not aware of any discrimination by the Specialists between paying and non-paying patients. If the Honourable Member will quote specific instances, I shall investigate the matter.

He mentioned about the Estate Hospitals being not up-to-date. Sir,

Medical Officers of a District in which the Estate Hospital is located make recommendations as to whether an Estate Hospital needs improvement, and the Commissioner of Labour will request the estate to carry out such improvements.

He mentioned also about the Blood Bank and said that the Ministry should take action to educate the people and to encourage the people to give blood. Sir, as I have said previously, the National Blood Bank Service, which has been established, will look into this matter.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah meminta gaji doktor hendaklah di-naikkan supaya banyak lagi dapat doktor². Perkara mengenai gaji termasuk gaji doktor ada-lah di-kaji oleh Surohanjaya Suffian dan laporan-nya dalam kajian Kerajaan masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan meminta Menteri mengambil perhatian berat atas perkara ketiadaan oxygen di-Rumah Sakit. Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian berat dalam perkara ini dan akan membuat penyiasaan. Ahli Yang Berhormat itu juga meminta ubat² hendaklah kata-nya di-beli daripada negeri sa-lain daripada United Kingdom. Ubat² di-beli dengan tawaran yang di-buat di-seluruh dunia dan di-beli dari negeri² yang menawarkan harga yang murah sa-kali dengan syarat ubat² itu memenuhi kehendak² seperti yang tersebut didalam tawaran itu. Ahli Yang Berhormat itu meminta kelengkapan² rumah sakit sa-berapa boleh di-gunakan barang² buatan negara ini. Tuan Pengerusi, dengan sa-berapa boleh-nya kelengkapan² di-rumah sakit itu di-gunakan barang² perbuatan negara ini dan di-beli dengan chara tawaran juga. Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang malaria, buka satu Pusat Penyelidekan Malaria di-Perlis kata-nya. Tuan Pengerusi, Pusat Penyelidekan Malaria sudah ada di-Kuala Lumpur bagi meliputi semua penyelidekan² seluruh Malaysia. Satu pusat yang lain tidak di-kehendaki pada masa ini. Ahli Yang Berhormat juga meminta adakan Jabatan Penerangan mengenai kesihatan umum. Tuan Pengerusi, Kementerian

saya ada satu bahagian bagi menerangkan perkara² mengenai kesihatan umum. Bahagian ini ada-lah mendapat kerjasama daripada Kementerian Penerangan dan Penyiaran sa-hingga dapat di-adakan ranchangan pembangunan desa untuk Kementerian Kesihatan dua kali sa-bulan. Sa-lain daripada itu Film Negara akan membuat film untuk kesihatan. Bahagian ini juga ada mengeluarkan Berita Kesihatan untuk di-gunakan oleh Jawatan-kuasa Kampong dan lain² badan di-luar² bandar bagi menambah pengetahuan kesihatan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara menyebut tentang pemindahan Rumah Sakit Tibi di-Alor Gajah. Tuan Pengerusi, perkara ini saya tahu sendiri, penduduk² di-situ ada-lah ragu² kerana kata-nya di-samping kedudukan mereka itu ada Rumah Sakit Tibi, tetapi saya suka menyatakan di-sini ia-itu Rumah Sakit Tibi di-Alor Gajah itu tidak menjadi merbahaya kepada penduduk² di-kawasan itu. Dengan sebab yang demikian tidak di-fikirkan mustahak Rumah Sakit Tibi ini di-pindahkan kepada kawasan yang lain. Ahli Yang Berhormat itu menhadangkan satu jalan yang baik mengadakan public talipon berhampiran dengan sub-centre. Ini satu chadangan yang baik dan sa-berapa yang boleh-nya saya meminta Ahli Yang Berhormat itu memohon kepada Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Melaka untuk mengesahkan kepada saya tempat² yang mustahak dapat talipon di-Pusat² Kesihatan Kechil dan Klinik itu.

Ahli Yang Berhormat itu menyatakan Pusat Kesihatan di-Masjid Tanah belum lagi di-bena minta di-segerakan.

Tuan Pengerusi, di-Masjid Tanah telah ada bangunan yang di-gunakan pada masa ini untuk memberi perkhidmatan sa-bagai gedong ubat, perkhidmatan ibu hamil dan perkhidmatan kanak² dan bidan. Kementerian saya akan berchadang hendak meluaskan perkhidmatan itu dengan mengadakan perkhidmatan pergigian. Ini akan menjadikan tempat itu satu Pusat Kesihatan yang penoh.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, untuk

penjelasan. Di-Masjid Tanah itu bangunan-nya sudah sempit. Memang ada ranchangan hendak di-besarkan rumah itu dan kawasan-nya pun telah di-chadangkan dan sa-takat mana perkara ini dapat di-terangkan oleh Menteri yang berkenaan tentang kemajuan.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu ma'alum, sekarang ini kita maseh kekurangan wang dan sa-berapa yang boleh sekarang ini di-tampong², ia-itu yang kecil itu di-perbesarkan dan ditambah²kan supaya perbelanjaan itu tidak besar.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat meminta di-beri latehan kepada guru² sekolah dalam perkara First Aid untok merawat kanak² sekolah. Tuan Pengerusi, sekolah² yang berkehendakkan latehan pada guru² sekolah dalam perkara First Aid bolehlah membuat permohonan-nya kepada Ketua Pegawai Perubatan dan Kesihatan Negeri.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta menunjukkan filem² kesihatan apabila Pejabat Penerangan menayangkan filem² di-luar² bandar kepada penduduk² dan kanak² sekolah. Chadangan ini akan di-jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan menyebutkan yang Rumah Sakit di-kawasan-nya tidak memuaskan dan dia menyebutkan yang covered passage antara Rumah Sakit lama dan Rumah Sakit baharu yang di-janjikan itu patut di-buat.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kedudukan kewangan negara sekarang ini sempit, kerja² mendirikan covered way bagi Hospital ini tidak-lah dapat di-jalankan kerana kekurangan kewangan. Chadangan yang di-kemukakan itu akan di-timbangkan apabila kedudukan kewangan negara bertambah baik.

Ahli Yang Berhormat itu juga men-chadangkan di-adakan latehan adab budi pekerti yang baik kepada orang ramai di-berikan kepada Jururawat dan lain² di-samping latehan² dalam kerja-nya. Tuan Pengerusi, latehan adab baik budi pekerti kepada orang

ramai dan orang sakit memang ada di-beri kepada semua Jururawat, Penolong Jururawat dan Bidan². Adab Rumah Sakit dan perhubungan mengenai orang ramai ada-lah perkara² yang di-masokkan dalam sukatan pelajaran kursus yang di-adakan bagi kaki-tangan². Pegawai² ini ia-itu ada Rukun² Kelakuan—Code of Conduct yang menghendaki mereka beradab baik kepada orang² sakit dengan mematuhi perintah² dalam menjalankan tugas² mereka hari².

Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tahu ia-itu Kementerian saya telah melancarkan Gerakan Mesra yang menekankan mustahak-nya berlemah lembut, bertimbang rasa, serta berbudi bahasa baik kepada orang² sakit dan juga kepada orang ramai. Tujuan Gerakan Mesra ia-lah menanam, mengembangkan dan mempereratkan perasaan muhibbah hormat-menghormati dan saling mengerti bukan sahaja di-antara kaki-tangan Kementerian saya, tetapi juga terhadap orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara men-chadangkan di-adakan kempen kesihatan sa-tahun sekali, atau dua kali sa-tahun. Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian berat atas shor yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, yang sa-benar-nya kempen² telah ada berjalan di-beberapa tempat di-Kedah dan lain² Negeri, tetapi barangkali belum sampai di-Trengganu lagi.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut banyak orang² membuat dan menjual ubat tiada kawalan kata-nya. Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan dalam ucapan saya tatkala membentangkan perancangan ini bahawa satu Jawatan-kuasa telah di-tubuhkan untok mengkaji perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara meminta Ranchangan Menchegah Malaria di-jalankan juga di-selatan Malaysia Barat. Tuan Pengerusi, Negeri² di-Selatan Malaysia Barat telah di-masokkan ka-dalam Ranchangan Rasmi malaria Kebangsaan yang meliputi seluruh negara. Negeri² kena-lah sabar-sadikit bagi menanti ranchangan ini sampai ka-Negeri² di-selatan.

Ahli Yang Berhormat itu meminta penerangan luas chara menchegegah penyakit tibi. Tuan Pengerusi, saya telah mengambil ingatan dan akan mengator supaya penerangan penyakit tibi di-siarkan menerusi radio, televi-shen dan Berita Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat telah juga meminta usaha² memperbaiki kesihatan kanak² di-jalankan dengan pesat supaya anak² sihat. Tuan Pengerusi, usaha² ini telah pun di-jalankan melalui ranchangan kesihatan ibu² dan kanak² dan ini akan di-pesatkan lagi melalui ranchangan kesihatan sekolah² yang telah di-tubuhkan bersama dengan Kementerian Pelajaran.

Ahli Yang Berhormat itu menyatakan perkara orang lelaki memakai rantai untuk mengenalkan mereka mengidap sa-suatu penyakit tertentu. Tuan Pengerusi, Jawatan-kuasa Pertubohan Rotary Club, Kuala Lumpur, dengan sokongan Kementerian saya telah melancharkan Medical Alert Scheme di-mana mereka yang penting kepada mana² jenis ubat yang boleh membawa maut boleh-lah mendaftarkan dan di-keluarkan rantai atau pingat untuk di-pakai menunjukkan ubat² penting itu. Ini ada-lah ranchangan permulaan dan jika sa-kiranya berjaya akan di-perluaskan keseluruh negeri. Penyudahan-nya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara juga minta selidek mengurangkan kesakitan dan kepayahan ibu² bersalin. Tuan Pengerusi, ada ubat² yang boleh mengurangkan kesakitan dan kepayahan ibu² bersalin, tetapi ini di-gunakan chuma apabila ada tanda² yang menghendaki ubat² tersebut di-gunakan. Dari segi Saikologi ada-lah tidak baik kesakitan bersalin di-kurangkan. Satu jalan boleh menghilangkan sakit bersalin ia-lah bagi ibu² mengamalkan Ranchangan Keluarga.

Ahli Yang Berhormat itu minta ada-kah satu sekolah untuk mempela-jari, membuat ubat. Tuan Pengerusi, sa-buah Sekolah Pembanchoh Ubat telah di-adakan di-Petaling Jaya. Saramai 60 orang penuntut masok sekolah

itu pada tipa² tahun. Ahli Yang Berhormat itu juga meminta beri penjelasan mengenai chadangan pemindahan mata, perkara ini maseh lagi dalam pertimbangan dari Majlis² Raja².

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta adakan Rumah Sakit di-Tangkak itu supaya di-perbesarkan. Tuan Pengerusi, chadangan memperbesarkan Rumah Sakit, Tangkak, ini ada-lah susah sadikit. Rumah Sakit ini, sekarang ada 118 tempat tidor dan mengikut keterangan perangkaan yang ada dalam Kementerian saya hanya 55% sahaja di-penuhi pada sa-bulan. Tidak tahu-lah betul-kah atau tidak tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak puas hati minta saya datang ka-sana untok di-siasat sa-mula. Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja jawapan² saya kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menegor peruntukan Kementerian saya dan saya menguchapkan terima kaseh atas chadangan² yang telah diberikan oleh Ahli² Yang Berhormat itu.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$146,319,947 untok Kepala B. 29 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 30, B. 31, B. 32, B. 33, B. 34, B. 35, B. 36 dan B. 37—

'Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya mohon izin, mengemukakan kepala perbelanjaan, ia-itu Kepala B. 30 hingga Kepala B. 37 semua sa-kali, kerana semuanya ada-lah di-bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli² Yang Berhormat akan mengambil ingatan bahawa jumlah peruntukan kewangan yang di-pohon bagi ka-lapan² Bekalan Kepala berjumlah sa-banyak \$176,466,674 yang mana sa-benar-nya ada-lah berlebehan sa-banyak \$3,715,445 di-bandingkan dengan peruntukan yang di-khaskan dalam perang-garan tahun 1967. Kelebehan tersebut boleh-lah di-katakan sederhana sahaja oleh sebab jika di-sebutkan mengikut kadar peratusan maka kelebehan itu ia-lah hanya 2.1% berlebehan dari

peruntukan tahun 1967 bagi Kementerian saya termasuk Jabatan²-nya sa-kali. Ini ada-lah di-ikhtiarkan dengan:

- (a) mengadakan ekonomi bertegas di-dalam jurusan pentadbiran;
- (b) mengurangkan peruntukan yang di-minta oleh tiap² Jabatan ka-pada keperluan yang minimum;
- (c) keadaan puleh keselamatan di-Malaysia Timor.

Dan akhir-nya menyempurnakan perojek² menggantikan kad pengenalan dengan kad² baharu jenis berbalut plastik di-Malaysia Timor.

Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala B. 30 bagi Ibu Pejabat Kementerian saya sendiri, Ahli Yang Berhormat akan mengambil ingatan bahawa jumlah yang di-minta itu ia-lah \$531,325 kurang daripada sa-banyak yang di-untokkan dalam anggaran tahun 1967. Kekurangan ini ada-lah di-sebabkan khas-nya kerana pindahan chawangan Senoi Pra'ak di-dalam anggaran Kementerian kepada anggaran Polis di-Raja Malaysia. Begitu juga kerana kekurangan peruntukan bagi Jawatan-kuasa Keselamatan Negeri di-Sarawak, dan Sabah memandangkan keadaan keselamatan di-Malaysia Timor.

Tentang Badan Penchegah Rasuah, Tuan Pengerusi, telah di-ator sa-mula dan di-besarkan dengan tujuan menjadikannya lebeh² chekap lagi. Ini ada-lah hasil daripada pengalaman yang telah di-perolehi oleh badan ini sa-lama beberapa tahun di-dalam masa mana ia ada-lah satu badan hanya satu badan penasihat.

Badan ini telah pun di-besarkan lagi dengan di-adakan Pasokan² Penyiasatan-nya sendiri dan kuasa² di-beri kepada badan ini menjalankan pendawaan di-Mahkamah. Ia juga boleh memulakan tindakan tata-tertib terhadap Pegawai² Kerajaan, jika sa-kiranya di-dapati dari penyiasatan yang di-buat bahawa satu² kesalahan telah di-lakukan.

Lembaga ini juga ada satu bahagian yang di-beri tugas mengambil tindakan menahan perbuatan² rasuah. Ini ada-lah satu bahagian tanggung-jawab dan tugas badan ini yang mustahak kerana

rasuah ada-lah satu penyakit saperti Barah, atau Cancer yang mesti di-chegah atau di-ubat pada peringkat permulaan-nya sa-belum ia-nya me-rosakkan masharakat kita.

Kerajaan juga sekarang sedang menimbulkan satu chadangan supaya di-perluaskan lagi tugas² badan ini untuk meliputi lain² perbuatan jenayah yang di-lakukan oleh kaki-tangan Kerajaan umpama-nya perbuatan pechah amanah, atau pun C.B.T. (Criminal Breach of Trust) penyalahan kira², atau pun falsification of accounts, pengeliruan, atau pun forgery dan juga kesalahan² yang berkaitan dengan Undang² Rahsia Rasmi, atau pun the Official Secrets Ordinance pada masa mereka menjalankan tugas-nya sa-bagai orang kaki-tangan Kerajaan.

Tujuan Kerajaan dalam hal ini ia-lah untuk menjaga keamanan, kejujuran kaki-tangan Kerajaan. Mengikut peratoran baharu-nya sekarang 6 buah Pejabat Wilayah telah di-dirikan, sa-lain daripada Ibu Pejabat Badan Penchegah Rasuah di-Kuala Lumpur. Yang enam buah Pejabat Wilayah itu ada-lah saperti berikut:

- (a) Pulau Pinang bagi Wilayah Utara;
- (b) di-Melaka bagi Wilayah Selatan;
- (c) di-Kuala Trengganu bagi Wilayah Pantai Timur;
- (d) Kuala Lumpur bagi Wilayah Selangor;
- (e) Kuching bagi Negeri Sarawak;
- (f) di-Kota Kinabalu bagi Negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, bagaimana pun saya suka menerangkan di-sini bahawa 'am-nya kaki-tangan Kerajaan tidak menchampori tangan di-dalam perkara rasuah, tetapi saperti dalam mana sahaja sa-suatu organisasi atau pun organization sa-mesti-nya ada Black Sheet, atau orang² burok antara-nya dan sa-benar-nya Badan Penchegah Rasuah itu bertujuan menangkap mereka² ini.

Sambutan dari pehak orang² awam ada-lah terlalu baik. Bagaimana boleh di-anggapkan daripada keadaan pada tahun 1966 dan sa-belum Operasi

Chekap di-laksanakan pada 1hb Oktober, 1967 di-mana penerangan² atau pemberitahuan yang di-terima daripada orang² ramai berjumlah lebih kurang 35 sa-bulan sahaja. Sa-baleknya samenjak di-lancharkan Operasi Chekap samenjak bulan Oktober 1967, pemberitahuan, atau ma'lumat² bulanan yang di-terima daripada orang ramai telah bertambah lebih kurang 1,800 sa-bulan. Ini ada-lah membuktikan bahawa orang² ramai berkeperchayaan lebih terhadap Badan Penchegah Rasuah sekarang ini.

Pada tahun 1966 sa-jumlah 62 orang telah di-tahan dari mana 27 ia-lah pekerja² awam dan 35 orang dari orang ramai dan 28 penghukuman telah di-jatuhkan. Pada tahun 1967 sabalek-nya sa-jumlah 94 orang telah ditangkap dan 75 hukuman telah dikenakan daripada mana 18 orang ia-lah pekerja² awam.

Tuan Pengerusi, Kerajaan sedar bahawa perbuatan rasuah bukan sahaja merosakkan pehak yang menerima dan memberi rasuah sahaja, tetapi akan juga membangkitkan berbagai² beuchana yang burok terhadap ra'ayat. Ia-nya boleh membangkitkan perkara² yang tidak berasas kapada ke'adilan, kemunduran dan kelewatan di-dalam perlaksanaan urusan pentadbiran dan ada kala-nya kerugian hasil negara. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, tiap² wang yang di-belanjakan oleh Kerajaan untuk mengemaskan dan mengukuhkan pendirian badan ini ada-lah satu penanaman modal yang akan membawa keuntungan yang besar kapada negara.

Tuan Pengerusi, memandang kapada Kepala Bekalan 31 ia-itu anggaran bagi Polis di-Raja Malaysia. Dewan ini akan mengambil perhatian bahawa ada-nya tambahan peruntukan sabanyak \$4,219,889 yang mana menjokkan kelebihan 3% dari anggaran awal tahun 1967. Bagaimana pun sakira-nya kita memasokkan wang tambahan yang di-untokkan kapada Jabatan ini pada tahun 1967 yang mana berjumlah \$1.4 juta dan mengambil ingatan bahawa peruntukan sabanyak \$1,289,701 di-kehendaki bagi Senoi Pra'aq dan pada tahun ini di-masok-

kan di-bawah Kepala Bekalan ini juga, maka kelebihan yang sa-benar-nya di-dalam peruntukan Polis di-Raja ia-lah \$1.5 juta sahaja.

Keterangan yang lebih lanjut mengenai tambahan \$4.2 juta dan anggaran ada-lah saperti berikut:

Gaji Kelebihan	\$4,858,743
Lain ² Perbelanjaan Berulang	
Tiap ² Tahun	\$412,339
Perbelanjaan Khas	226,515
	638,854
Jumlah besar	\$4,219,889

Tuan Pengerusi, dalam keadaan kepechekan kewangan negara sekarang ini peruntukan untuk Polis di-Raja Malaysia ia-lah yang sa-kecil²-nya untuk membolehkan-nya bergerak menjalankan tugas²-nya yang berbagai² rupa. Bagaimana-kah pehak polis dapat terus bertugas di-dalam keadaan kewangan yang serba kekurangan itu ada-lah satu keta'jupan dan segala puji²an harus-lah di-beri pada pasukan Polis di-Raja Malaysia dan juga kapada pegawai² pemimpin-nya.

Ada-lah menjadi tanggung-jawab saya, Tuan Pengerusi, menyatakan disini bahawa jika sa-kira-nya pehak polis di-kehendaki menjalankan tugas² di-luar dugaan yang berkelebihan, maka tiada-lah yang lain² bagi saya, melainkan datang kembali sa-mula ka-Dewan ini meminta belanja tambahan. Perkara keselamatan negara tidak-lah boleh di-pisahkan kapada perkara saperti kemajuan dan pembangunan negara dan saya berpendapat bahawa kemajuan yang chemerlang yang kita telah dan akan chapai di-dalam bidang kemajuan dan pembangunan akan terancham jika sa-kira keselamatan negara terganggu dan jika tidak di-kawali.

Sungguh pun keanggotaan polis kurang sedikit bilangan-nya sa-bagaimana saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, jika di-bandingkan dengan ramai-nya penduduk² aliran sosial dan ekonomi di-dalam bidang pembangunan luar bandar yang pesat dan usaha² memenohi keperluan² negara yang demokratik dan bergerak maju dengan chepat-nya. Pehak polis ada-lah menghadapi chabaran² ini dengan jaya-nya.

dan telah menunaikan tanggung-jawabnya dengan memuaskan sa-kali.

Dengan perkembangan yang pesat sejak tercapai-nya kemerdekaan, tugas menempatkan Anggota² Polis yang saya telah katakan di-atas tadi kurang sedikit bilangan-nya di-bandingkan dengan ramai-nya bilangan penduduk² tempat yang patut di-tempatkan. Pasokan² Polis, ini ada-lah suatu perkara yang sukar sedikit di-laksanakan. Walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, usaha sedang dan akan di-buat untuk menempatkan Anggota² Polis itu bila mana di-kehendaki atau di-perlukan. Chontoh yang paling baharu ia-lah meninggikan taraf Balai Polis Petaling Jaya kepada satu Daerah Polis yang mengandungi beberapa buah Balai Polis dan Pondok² Polis sa-laras dengan bertambah-nya bilangan² penduduk² di-kawasan itu dan juga bertambah-nya bilangan² kejadian jenayah mengikut dengan bertambah-nya bilangan² penduduk².

Untuk membolehkan pehak polis menjalankan tugas² dan tanggung-jawab-nya, pehak-nya mempunyai sa-ramai 550 Pegawai Bertauliah, atau pun Gazetted Officers, 1,175 Merinyu² atau Inspectors; 21,084 orang Anggota² Biasa di-Malaysia Barat, 69 Pegawai Bertauliah; 175 Merinyu²; 3,213 Anggota² Biasa di-Sarawak; 57 Pegawai² Bertauliah; 132 Merinyu² dan 2,671 Anggota² Biasa di-Sabah bagi tahun 1967 dan 1968.

Termasok di-dalam bilangan tadi yang saya sebutkan di-atas ia-lah 363 orang bekas Polis Singapura terdiri daripada warganegara² Malaysia yang jawatan mereka di-berhentikan oleh Kerajaan Singapura.

Saya perchaya, Tuan Pengerusi, mereka sudah pun ketahui kesah pembuangan kerja mereka² itu oleh Kerajaan Singapura dan kemudian-nya penerimaan mereka di-dalam Polis di-Raja Malaysia.

Sa-takat ini, Tuan Pengerusi, saya suka memberi tahu Dewan bahawa semenjak 1hb Januari ini keseluruhan jawatan di-dalam Pasokan Polis sudah

pun di-penuhi dan di-jawat oleh warga-negara² Malaysia.

Jumlah bilangan anggota yang di-sebutkan oleh saya tadi bagi di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor ada-lah sa-kurang²-nya untuk tugas² biasa dan juga untuk menghadapi satu² peristiwa yang luar biasa. Pehak polis ada-lah bertugas di-dalam masha-rakat yang sentiasa berubah yang bertukar chorak dan tanggung-jawab serta kewajipan-nya ada-lah berbagai² rupa.

Jumlah anggota yang di-beri kepada-nya bagi tahun 1967 dan 1968 ada-lah sa-chukup² sahaja bagi menghadapi tugas² dan kewajipan-nya yang saya sebutkan tadi. Dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, jika di-tilek dari segi pilihanraya yang di-adakan di-Sabah, memandang kepada kejadian² jenayah yang bertambah banyak, memandang kepada bertambah-nya bilangan² penduduk dan memandang juga kepada pelawat, ramai-nya pelawat² terdiri daripada orang kenamaan, atau V.I.P. yang datang melawat ka-negeri ini dan memandang kepada tunjok perasaan yang timbul dengan tidak di-sangka², kachau bilau yang timbul baharu² ini di-Pulau Pinang dan memandang juga kepada pengawal, pekerjaan mengawal keselamatan di-sempadan negara kita, memungut maklumat² keselamatan intelligence dan kawalan keamanan serta ketenteraman 'awam, maka tidak-lah harus timbul kesang-sian, atau keraguan di-pehak Ahli² Yang Berhormat yang pehak polis telah melaksanakan tugas² dan tanggung-jawab-nya dengan terator dan sempurna saperti yang di-harapkan daripada satu pasokan polis yang moden yang terkenal sa-bagai satu pasokan polis yang baik di-daerah Tenggara Asia ini.

Berhubung dengan Bekalan 32, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Saya fikir masa sudah cukup.

Meshuarat ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Pengerusi, saya sekarang pergi kapada Kepala Perbekalan 32 dan berhubung dengan Bekalan 32, ia-itu Jabatan Imigresen. Dato' Pengerusi, Dewan ini akan mengambil perhatian bahawa jumlah peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1968 ia-lah \$3,767,408 yang mana jika di-bandingkan dengan peruntukan bagi tahun yang lepas bertambah lebih ia-lah \$169,548 atau pun 4½ persen berlebihan-nya.

Kelebihan tersebut ada-lah berhabat dengan butiran Gaji yang mana menunjukkan tambahan 23 jawatan dalam Bahagian III dan IV supaya menambahkan lagi kaki-tangan² di-pelbagai pusat² yang di-dapati berkurangan kaki-tangan² untuk menjalankan tugas² tambahan. Sa-bahagian daripada peruntukan kelebihan yang diperlukan ia-lah juga bagi meng-untukkan kenaikan gaji kaki-tangan².

Saya suka, Dato' Pengerusi, ma-alumkan Dewan ini bahawa pengawalan perjalanan di-Tambak Johor ada-lah berjalan dengan lchin-nya dan keadaan bergopoh-gapah untuk memperolehi Paspot Terhad boleh-lah di-katakan satu perkara yang tidak berlaku lagi.

Di-sebabkan perjanjian tempoh hari di-antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Filipina, untuk menchegeh penyeludupan, pertimbangan ada-lah di-beri untuk mendirikan enam buah tempat Perkawalan Sempadan di-Sarawak, dan tiga buah di-Sabah.

Butiran² Lain² Perbelanjaan, Ber-ulang² Tiap² Tahun dan Perbelanjaan

Khas bagi Anggaran tersebut tidak memerlukan ulasan berlanjutan oleh sebab peruntukan yang di-minta itu kurang daripada peruntukan tahun 1967. Saya suka, Dato' Pengerusi, mengambil peluang di-sini menten-teramkan perasaan bimbang dan keraguan di-kalangan, barangkali Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini dan juga warganegara² di-negeri ini di-atas kenyataan yang di-beri oleh Kementerian ini di-persidangan Dewan ini juga pada masa Pertanyaan Mulut, ia-itu lebih kurang 14,000 orang telah di-benarkan masuk oleh Pejabat ini untuk duduk tetap di-negeri ini semenjak Hari Kemerdekaan. Orang² ini, Dato' Pengerusi, ada-lah isteri² dan anak² orang yang telah menjadi warganegara di-negeri ini. Saya suka menyatakan Kementerian ini dan pejabat yang bertanggung-jawab, ia-itu Pejabat Imigresen ada-lah berpegang tegoh dan melaksanakan dasar Kerajaan bahawa permohonan untuk masuk bekerja atau tinggal tetap di-negeri ini mesti-lah di-selidekki dengan sa-habis² halus dan kebenaran chuma di-beri hanya jika ada sebab² yang menasabah, sama ada dari segi undang² atau peri kemanusiaan. Ini ada-lah untuk mengawal rapi kedudukan peluang² dan hak² warganegara² yang ada duduk di-dalam negeri ini sekarang dan mengelakkan berbangkit keadaan di-dalam mana akan ujud sa-kumpulan orang yang duduk tetap di-sini dan yang menjadi warganegara yang maseh menumpukan ka-semua, atau sa-tengah, atau suku perasaan ta'at setia mereka ka-negeri lain dalam pada ia-nya merasa segala nikmat dan hak² di-negeri ini.

Berkenaan dengan Kepala Bekalan 33, Dato' Pengerusi, berkaitan dengan Kepala ini ia-itu Peranggaran bagi Jabatan Penjara, Dewan ini akan mengambil perhatian di-sini pula bahawa peruntukan yang di-minta itu ia-lah \$115,186 berkurangan dengan peruntukan bagi tahun yang lepas.

Mengenai perkara Gaji, tidak ada-nya perpindaan yang istimewa melainkan pengubahan 120 jawatan Wadar Sementara, Gred II kapada jawatan tetap dalam gred yang sama, dan meng-adakan 25 jawatan tambahan baharu

bagi Wadar Sementara supaya membolehkan Jabatan tersebut menambahkan bilangan Wadar² di-Penjara² yang berkurangan kaki-tangan.

Bahagian Lain² Perbelanjaan, Berulang² Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas menunjukkan kekurangan sa-banyak \$97,360 dan \$160,290 masing². Pengurangan ini di-asaskan kerana keadaan kekurangan bilangan orang² salah dan orang² tahanan.

Merujuk kepada Kepala Bekalan 34, Dato² Pengerusi, Jabatan Perchetakan—sa-jumlah peruntokan yang di-kehedakki itu ia-lah \$5,576,126 yang mana ia-lah bertambah sa-banyak \$146,621 atau pun lebih kurang 2½% berlebihan daripada peruntokan 1967. Jika di-pandangkan bahawa Jabatan tersebut menjalankan perchetakan semua *Warta²* Kerajaan, dokumen² Parlimen dan pelbagai² borang dan penerbitan Kerajaan di-Ibu Pejabatnya di-Kuala Lumpur dan Sarawak serta juga chawangan²-nya di-Negeri Johor, Kedah, Trengganu dan Perak, maka wang tambahan yang di-pohonkan itu boleh-lah di-katakan sederhana sahaja.

Berkenaan dengan gaji sa-jumlah yang di-perlukan itu ia-lah sa-banyak \$97,621 lebih daripada peruntokan tahun 1967 dan ini ada-lah mustahak kerana menyediakan kenaikan² gaji tahanan bagi kaki-tangan² yang mengandongi 821 orang dan mengadakan 5 jawatan tambahan seperti berikut:

1 jawatan baru Pegawai Kerja Kira² yang mana akan membuat satu pelarasan berkenaan dengan kos pengeluaran borang² dan lain²;

4 jawatan tukang mesin untuk menjalankan kerja tambahan perchetakan di-Ibu Pejabat.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun; Pechahan-kepala 4 "Kertas² dan Keperluan" sa-jumlah \$800,000 ada-lah di-pohonkan. Pada tahun 1967 peruntokan yang di-luluskan itu ia-lah \$700,000 tetapi peruntokan tersebut telah di-tambah dengan sa-banyak \$40,000 pada penghujongan tahun itu supaya menjalankan kerja² perchetakan yang tidak di-jangkakan

terlebih dahulu. Sebab² bagi tambahan yang di-minta itu ada-lah seperti berikut:

- (i) kegunaan tambahan borang² dan buku² teristimewa borang² yang berkaitan dengan Buku Kanun Tanah Negara atau pun National Land Code;
- (ii) Borang² terchetak dan laporan² dalam Bahasa Kebangsaan menggunakan lebih banyak kertas oleh sebab ia ada-lah lebih panjang 'am-nya daripada laporan di-dalam bahasa Inggeris;
- (iii) kebanyakan laporan² yang perlu di-chetak dalam dua bahasa ia-itu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris;
- (iv) harga tambahan kertas², kertas tebal, da'wat perchetakan dan keperluan² yang lain.

Mengenai Peruntokan Khas bagi Jabatan ini, wang sa-jumlah \$13,825 ada-lah di-minta di-bawah Pechahan-kepala 16 "Jentera² dan Kelengkapan" untuk membeli sa-buah mesin alamat (Addressograph Machine) dan kelengkapan² kecil yang lain yang diperlukan untuk kegunaan di-Ibu Pejabat serta juga di-chawangan² di-seluruh negeri.

Berhubung dengan Kepala Bekalan 35, Tuan Pengerusi, Pendaftar Pertubuhan, Ahli² Yang Berhormat akan mengambil ma'aluman bahawa sa-jumlah peruntokan yang di-perlukan itu ia-lah \$410,971 yang mana ada-lah hanya \$13,787 lebih daripada peruntokan tahun 1967 itu.

Bilangan jawatan di-dalam Jabatan ini tidak berubah pada tahun 1968 bagi Malaysia Barat, tetapi hanya satu jawatan tambahan, ia-itu sa-orang Pelayan Pejabat, bagi Pejabat Sarawak ada-lah di-pohon. Peruntokan² yang di-minta di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas tidak mustahak di-berikan berlanjutan oleh kerana tidak ada perubahan² yang penting mengenai-nya.

Mengenai Kepala Bekalan 36, Tuan Pengerusi, bagi perancangan Jabatan Pendaftaran, Ahli² Yang Berhormat

akan bersukacita mengambil perhatian bahawa jumlah peruntukan yang diminta bagi tahun 1968 ia-lah \$286,850 berkurangan daripada sa-banyak yang di-khaskan bagi tahun 1967. Pengurangan tersebut ada-lah di-sebabkan khas-nya oleh kesempurnaan ranchangan untuk menggantikan kad² pengenalan yang lama itu dengan kad² baharu berbalut pelastik (laminated plastic) di-Sarawak.

Ranchangan berkilat supaya memproseskan tunggakan permohonan² warganegara di-Sarawak dan di-Sabah telah pun di-sempurnakan dengan jaya-nya pada penghujongan tahun lepas dan keadaan tindakan² untuk menimbangkan permohonan² sekarang ini ada-lah sa-bagai biasa sahaja. Di-bawah Perbelanjaan Khas, Pechahan-kepala 23, Ahli² Yang Berhormat akan dapati bahawa sa-jumlah sa-banyak \$125,250 ada-lah di-minta untuk membeli alat² pelastik bagi membalut sijil warganegara dan kad² pengenalan. Peruntukan bagi perkara ini pada tahun 1967 ia-lah \$75,390. Wang tambahan yang di-minta pada tahun 1968 itu ia-lah supaya membolehkan Jabatan tersebut membekalkan keperluan alat² itu bagi 3 tahun sa-kali gus supaya mengurangkan harga-nya dengan pembelian chara besar-besaran. Peruntukan² pelbagai yang di-minta bagi Perkakas dan Kelengkapan Pejabat ia-lah untuk membeli perabut² baru supaya menggantikan perabut² dan kelengkapan² lama yang tidak boleh di-gunakan lagi serta juga untuk beberapa "rak² besi" dan peti kabinet yang di-perlukan oleh Pendaftaran Pusat dan Chawangan²-nya, untuk menyimpan rekod² berdokumen yang telah bertambah².

Akhir-nya, saya sampai ka-Kepala B. 37—Jabatan Kimia, yang mempunyai anggaran menunjukkan tambahan kechil sa-banyak \$98,961 lebeh daripada peruntukan tahun 1967. Ini ada-lah di-sebabkan kerana kaki-tangan² baharu yang di-kehendaki untuk Makmal Chawangan di-Kuala Trengganu yang sedang di-dirikan pada tahun ini. Kerja² permulaan bagi Makmal Chawangan itu akan bermula dalam sadikit masa lagi dan benaan bangunan itu ada-lah di-anggapkan akan di-

sempurnakan pada suku tahun yang terakhir tahun ini. Kaki-tangan² permulaan yang di-perlukan bagi makmal itu pada tahun yang pertama berjumlah 14 orang di-dalam berbagai² peringkat, di-ketuai oleh sa-orang Ahli Kimia.

Pembangunan sa-buah makmal di-Kuala Trengganu ada-lah mustahak oleh kerana pada masa ini barang² dan sample² yang perlu di-buat analisa terhadap-nya ada-lah di-hantar ka-Pulau Pinang dan Petaling Jaya. Ini ada-lah tidak memuaskan oleh kerana Makmal Kimia di-Pulau Pinang dan di-Petaling Jaya ada-lah berlipat² ganda tanggung-jawab-nya memandang kapada banyak-nya sa-kali barang² dan sample² yang di-hantar kapada-nya untuk di-buat analisa.

Di-sebabkan pendirian sa-buah makmal di-Kuala Trengganu, peruntukan yang di-minta di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas pun menunjukkan sadikit tambahan supaya menguntokkan wang untuk membayar perbelanjaan tambahan yang berkaitan bagi pelbagai perkara seperti Api, Kuasa Letrik dan Ayer, Bahan Kimia dan Radas serta kelengkapan² makmal.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Jabatan Kimia ada-lah sa-buah Jabatan perkhidmatan yang mana menguntokkan perkhidmatan analisa kapada Jabatan² Kerajaan seperti Polis di-Raja, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Jabatan Kerja Raya dan Perbendaharaan. Oleh itu ada-lah mustahak supaya Jabatan Kimia di-lengkapkan dengan kaki-tangan² dan keperluan² yang penoh supaya dapat menganalisisakan chontoh² yang di-kemukakan kapada-nya oleh Jabatan² yang lain.

Dato' Pengerusi, demikian-lah saya mengusulkan.

Wan Abdul Rahman bin Dato' Tuanku Bujang (Sarawak): Dato' Pengerusi, saya suka mengambil peluang berchakap sadikit dalam peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam dua perkara. Pertama-nya, Dato' Pengerusi, saya suka menyentuh sadikit di-bawah

Kepala B. 30 dan B. 31, Dato' Pengerusi, yang menarik perhatian saya dalam perkara ini ia-lah berkenaan dengan dasar Kerajaan terhadap pergerakan komunis yang sedang dan telah bermaharajalela di-negeri kita, yang boleh di-katakan sa-buah negara yang aman sa-kali dalam dunia ini. Saya telah pun berulang kali, Dato' Pengerusi, berchakap dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan keadaan pencherobohan komunis yang sedang menjadi² di-negeri Sarawak, tetapi nampak-nya, Dato' Pengerusi, tidak ada satu pun kenyataan atau pun penerangan yang saya beri itu mendapat sambutan dan timbangan daripada Kementerian yang berkenaan. Tetapi, Dato' Pengerusi, oleh kerana kepentingan Negeri Sarawak dan Malaysia 'am-nya dan sa-bagai sa-orang daripada ra'ayat bumiputra yang ta'at dan setia lagi sayang kepada Malaysia, saya tidak akan berputus asa atau putus harapan menda'awa sa-kali lagi dalam Dewan yang mulia ini dengan memberi satu gambar atau perkara untuk renungan Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, terutama sa-kali Yang Berhormat Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan satu trajedi yang telah berlaku di-negeri Sarawak belum berapa lama ini.

Dato' Pengerusi, izinkan saya untuk membacha sedikit potongan surat-khabar tempatan keluaran 2-2-1968, "Girl with Red paper shot" itu-lah kepala potongan surat-khabar ini:

"The Commissioner of Police issued on Monday the following statement:

'In the early hours of 28th January, 1968, Security Forces operating in overgrown rubber in the BUSO area of BAU district came upon a shelter from which emerged three running figures.

They were challenged three times to stop but kept on running in their attempt to escape, whereupon fire was opened resulting in the death by gun-fire of one of the three, a female Chinese. The other two made good their escape.

From her body and the shelter were seized a quantity of communist documents. These documents deal with activities prejudicial to the security of the State.'

Dato' Pengerusi, ini telah terang dan dari mayat itu tadi telah terbukti didapati beberapa banyak dokumen²

komunis yang mana mengandongi kenyataan² berkenaan dengan pergerakan² komunis untuk mengancham dan mencherobohkan ketenteraman dan keselamatan negeri ini. Dengan ini, Dato' Pengerusi, dengan kata² lain simati itu sudah nyata dan terang sa-bagai sa-orang daripada ahli komunis. Satu perkara yang tidak memberi puas hati dan di-kesalkan kepada sa-gulungan besar daripada ra'ayat² Sarawak, ia-itu gulungan ra'ayat² yang ta'at setia kepada negara, sama ada dari bumiputra atau pun yang bukan bumiputra, ia-lah dengan langkah yang telah di-ambil oleh Kerajaan membenarkan Parti Pembangkang di-Sarawak, ia-itu S.U.P.P. menghormati ka-atas kematian sa-orang komunis yang telah di-tembak itu. Mereka telah di-beri kebenaran mengadakan satu funeral procession yang berbesaran². Dan di-waktu funeral itu di-arak, Dato' Pengerusi, maka kita dapati funeral itu telah di-dahului oleh bendera lambang S.U.P.P., bagitu juga di-belakang funeral itu telah di-iringi oleh beribu² penyokong S.U.P.P.

Dato' Pengerusi, dasar dan sikap Kerajaan dengan memberi kebenaran kepada penyokong² si-mati itu ta' ubah-nya sa-olah² menghasut atau mengapi² kan perasaan ra'ayat yang ta'at setia kepada negara, terutama sa-kali perasaan ra'ayat bumiputra Sarawak, yang tidak ingin melihat negara mereka di-kachau, atau di-main²kan oleh gulungan yang bukan bumiputra.

Sa-benar-nya, Dato' Pengerusi, saya bangun dan berchakap di-dalam Dewan yang mulia ini ada-lah untuk menyampaikan surohan atau kehendak daripada sa-bahagian besar daripada ra'ayat Sarawak supaya menyuarakan kepada Dewan ini bagaimana kesal-nya perasaan kami dengan tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan dalam hal memberi kebenaran untuk menghormati dengan chara besaran² saperti yang telah saya terangkan tadi. Kami sunggoh hairan, Dato' Pengerusi, dan tertanya² sa-sama sendiri, kenapa-kah kebenaran yang sa-macham ini boleh di-beri, terutama sa-kali kepada S.U.P.P. mahu pun kepada sa-siapa jua, pada hal statement atau kenyataan yang telah di-buat oleh Commissioner of Police Sarawak telah berterus terang

menyatakan kepada orang ramai, ia-itu dokumen² komunis telah di-dapati di-badan si-mati itu. Dari itu, Dato' Pengerusi, dengan sendiri-nya kita insaf dan faham bahawa si-mati itu ialah sa-orang komunis.

Kami menentang dengan sa-keras²-nya, Dato' Pengerusi, atas langkah yang telah di-ambil oleh Kerajaan dalam hal memberi kebenaran seperti yang telah saya sebutkan tadi. Dan di-sabalek itu Kerajaan harus mengambil tindakan yang tegas kepada sa-siapa juga yang menunjukkan sympathy yang berterus terang kepada komunis yang maseh hidup, bahkan juga kepada komunis yang telah mati.

Dato' Pengerusi, pada akhir-nya, saya shorkan kepada Dewan ini dan terutama sa-kali kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengubah dasar Kerajaan dalam perkara ini dengan sa-chepat mungkin, sa-belum ada akibat yang burok berlaku di-antara penyokong² komunis dengan ra'ayat² bumiputra yang mempunyai perasaan tidak mahu dan tidak ingin di-api²kan dan di-provokekan dengan dasar yang telah di-jalankan oleh Kerajaan pada masa² yang telah lalu.

Saya suka memberi tegoran sedikit di-bawah Kepala B. 36—National Registration. Seperti mana Undang² yang telah berjalan semenjak beberapa tahun ini, ia-itu sa-saorang yang bukan warganegara itu hendak-lah membuat surat permohonan untuk menjadi warganegara, dan sa-sudah itu mereka hendak-lah di-temu-duga dan juga menerusi satu peperiksaan bahasa kebangsaan. Mereka hendak-lah lulus dalam peperiksaan bahasa kebangsaan sa-belum mereka di-sah atau di-beri menjadi warganegara dan di-beri Identity Card yang berwarna biru.

Dato' Pengerusi, peperiksaan bahasa kebangsaan ini hendak-lah menerusi National Language Board. Yang mendukachitakan, Dato' Pengerusi, ia-lah ahli² yang di-pilih menjadi ahli National Language Board ini ada-lah tidak memberi puas hati berkenaan dengan hal kebolehan mereka kerana tidak mempunyai kelayakan sa-bagai

sa-orang pemeriksa bahasa kebangsaan. Ahli² National Language Board ini yang terdiri dari bukan bumiputra yang harus tidak lulus dalam pemeriksa bahasa kebangsaan, kalau di-pereksa.

Yang paling mendukachitakan saya, Dato' Pengerusi, ia-lah sa-orang daripada ahli pemeriksa bahasa kebangsaan ini ada-lah sa-orang daripada bekas pegawai Kerajaan yang telah di-pechat dari jawatan-nya, juga telah di-penjara sa-lama beberapa tahun kerana kesalahan pechah amanah. Saya sanggup memberi nama orang yang saya sebutkan ini, kalau di-chabar. Dengan hal yang demikian, apa-kah orang yang seperti ini boleh memberi keperchayaan yang penoh bagi Kerajaan memberi warganegara kepada ra'ayat yang datang ka-negara kita? Kita harus jangan lupa bahawa dengan memberi-nya warganegara itu kepada sa-saorang yang bukan berasal di-negeri ini, tidak ada ubah-nya sama sa-kali seperti kita memberi hak negara kita kepada mereka. Dari itu kita harus berjaga² dengan teliti sa-belum kita membahagikan hak kita kepada mereka yang datang itu. Berbalek pula saya kepada ahli pemeriksa bahasa kebangsaan yang telah saya sebutkan tadi, Dato' Pengerusi, saya khuatir, oleh kerana riwayat hidup-nya tidak begitu jujur dan bersej, maka mungkin ia-nya ada bermain kayu tiga dalam hal ia-nya menjalankan pemeriksaan itu, sama ada sa-chara langsung atau tidak. Dengan ini, Dato' Pengerusi, saya shorkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk mengkaji sa-mula supaya menukarkan ahli² the National Language Board ini kepada ra'ayat yang lebih sesuai dan mempunyai kebolehan yang mahir dalam hal bahasa kebangsaan dan yang ta'at lagi setia kepada negara.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang)
(dengan izin): Mr Chairman, Sir, my Honourable colleague from Sarawak has spoken about Communist activities in Sarawak. I would like to touch on the militant pro-Communists in Western Malaysia and, as such, I would like to support the allocation for Head S. 31, item (81), on page 341, of \$912,000 for Police Field Force, Federal Reserve

Unit and Public Order Companies' Allowances.

Sir, during the past, we have heard from Members of the Opposition blaming the Alliance Government for the Penang disturbances and the *hartal* which took place last November.

The Penang Division of Party Rakyat in the *Straits Times* of 25th January, 1968, condemned the Alliance Government for its allegedly—"opportunistic use of riots to besmirch the names and destroy the organisation of left-wing parties especially to fan anti-socialist, anti-Labour Party and anti-Party Rakyat sentiments among the people."

The Member for Batu also accused the Malaysian Government in the international presses for their "hysterical attacks against the left-wing" during the recent riots, and for having "brought conditions to a point where those of us who are committed to peaceful and constitutional change will have no role to play."

All these, Mr Chairman, Sir, go to show that the Opposition Members are too willing to blame everything upon the Alliance Government and too complacent to settle for biased conclusions.

If we analyse the sequence of events and background factors that led to the riots, we can see how far-fetched these allegations are. In fact, in the light of what has happened, the Malaysian Government's counter-actions during the violent disturbances have in fact preserved the very conditions in which those who abhor violence and unconstitutionality could play an effective, democratic role. In short, the measures taken by the Government were to protect and to preserve democracy to which the Opposition parties appeared to be paying only lip service.

Sir, as far back as October 21st and 22nd, 1967, the Thirteenth Annual Delegates' Conference of the Labour Party of Malaya, held at New Wembley Hall, Penang, had already put the seal on the violent events that were to follow, which had brought untold

tragedy and sufferings to our innocent people. Amongst the resolutions adopted at that Conference, the most revealing one was the call for armed, violent struggle to take precedence over constitutional struggle. Sir, at this Conference, 21 officials were appointed, out of whom 19 are known to the authorities to be militantly pro-Communists.

When the Malaysian Government announced the devaluation of the old Malaysian currency, the Labour Party of Penang issued a directive on Saturday, November 25th, 1967, that all business should stop for a day as a sign of protest against the Government's decision. To enforce this directive, the Penang branch of the Labour Party employed Red Guard type youths to intimidate the shopkeepers into closing their shops. The trouble began when these unruly youths started beating up law-abiding stall-holders and shopkeepers, who refused to close their businesses. Thus what started off as a purely anti-Government protest against devaluation developed into violence, and violence into racial conflict.

The ensuing arrest of some Malaysian Labour Leaders was made not because of their opposition and agitation against devaluation as such but for their responsibility, either fully or partially, in inciting the use of illegal force through employing these youths to ensure that the "close-shop" policy that they sought be obeyed.

In the course of Police raids carried out on the premises of the Labour Party of Malaya throughout the country, slogans quoting Mao Tse Tung's revolutionary form of struggle were recovered together with other offensive weapons which clearly indicated that they were to carry out this militant and unconstitutional form of struggle.

Sir, democracy will not survive if violence goes unchallenged. The Member for Batu himself publicly admitted that he abhorred violence. In fact, subsequent events proved that the range of the Alliance Government's counter-actions against violence by a display of force and by arrest of unruly elements has been the correct measure of pouring

oil to calm the violent sea. These actions have played a substantial role in reassuring the people, thereby bringing early peace and order. Unless and until peace and order prevails, there would be no room for those conditions where those of us, who are committed to peaceful and constitutional change will have a role to play. Hence, the earlier the Labour Party of Malaya got rid of its militant Communist elements dedicated to ultra-constitutional struggle, the better chance there would be for democratic conditions to flourish. Ever since the Honourable Member from Dato Kramat was released from detention he and various Malaysian Labour Party leaders have announced their intention to reorganise the Labour Party. One wishes them every success in this endeavour. It is hoped that in this way, the communistic militancy of some of its members could be curbed and the Labour Party reorganised along more moderate and responsible lines.

Sir, there is another point which I would like to touch on, and that is regarding the \$155,000 for the printing of passports under Head 32, Sub-head 22, and the \$125,250 for plastic material for laminating identity cards under Head 36, Sub-head 23. I support these allocations, but I feel very strongly Sir, that part of this money should be used to relieve the plight of thousands of people who suffer as a result of Singapore's separation from Malaysia.

These are the groups of people of all races who were born in Malaysia but who now hold Singapore identity cards. They are neither citizens of Malaysia, nor of Singapore. Although they were born in Malaysia, but because their identity cards happened to be issued during pre-separation days in Singapore, owing to the circumstances then prevailing, they are now considered to be stateless by the Singapore Government as well as by the Malaysian Government. As a result, Sir, these people, whether they are in Malaysia now, or in Singapore now, are unable to get travel documents and passports for travel between Malaysia and Singapore, or to other parts of the world.

This means that if they are working in Malaysia they cannot travel to Singapore, and if they are in Singapore they cannot come to Malaysia even for a short visit to see their families or relatives. This is a highly unsatisfactory situation, whereby these people are punished through no fault of their own. Whereas, in comparison our present immigration policy allows all those who are holding Malaysian identity cards, including the Indians who were born in India, the Indonesians who were born in Indonesia, the Chinese who were born in China, to travel freely between Malaysia and Singapore without any difficulty, and I agree this is the right immigration policy. Sir, my point is that if those, who have Malaysian identity cards but who were not born here, can be issued with travel documents, why cannot the Ministry of Home Affairs give equal facilities to those who were born here but who are holding Singapore identity cards? Why should the axe fall on those who were born here? Why should bureaucracy in this instance make it a curse to be born in Malaysia? Yet the irony is that those who were born in Singapore but with Malaysian identity cards can travel freely without much difficulties.

Mr Chairman, Sir, on their behalf and on humanitarian grounds I appeal to the Honourable Assistant Minister to use his good offices to help to relieve the plight of these thousands of unfortunate people who are victims of circumstances. This could be easily rectified, Sir, by giving these groups of people a chance to get Malaysian identity cards and to establish their residence here. Thank you.

Dr Tan Chee Khoo (Batu) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I wish first of all to touch on page 330—the Anti-Corruption Agency. I noticed from the estimates this year that under P.E. last year the Agency had \$49,975; this year, it has been increased, as it should be, to \$1,308,931. Under O.C.A.R. last year unfortunately there was nothing—at least this book does not reveal anything; this year the provision is \$143,087. Under O.C.S.E., again last year there was no provision at all; this year, there is a provision of \$12,800.

Mr Chairman, Sir, I have made an adjournment speech in this House indicating to the Minister of Home Affairs what I call the lack of "brass" amongst the senior officers of the Anti-Corruption Agency. As I added up all the posts, I noticed that last year there were 27 senior officers and this year the provision is also 27 officers and the grade of officers is much the same. I notice also that the Head of the Agency is Superscale "D". Now, I wish to reiterate again what I said in the adjournment speech, that the Anti-Corruption Agency, as it widens its net and gets into top gear, must of necessity come and hit headlong against some very important people in this country, be it Superscale "A" officers, for example, or be it Ministers, or be it very high political personages in the various political parties; and as such, I submit again that unless these people who run the Agency have enough "brass" they will find it difficult to investigate and do their work properly, because there is naturally a deference to authority. For example, if a Superscale "F" person, e.g. a Senior Assistant Commissioner of Police in Superscale "F", has to investigate the affairs of a Minister, for example, there is this little deference to authority, but if he were higher up, e.g. if he were Superscale "C" or even "B", then this deference to authority will be less and I dare say that their efficiency will be greatly increased.

Mr Chairman, Sir, I notice from time to time in the Press that the Director of the Agency has stated that the Agency is being strengthened. I do hope that he will get all the bodies that he needs to strengthen the work of this Agency. I need hardly say that although the Agency has done a good deal of work, much remains to be done as evidenced by the letters that reach the Agency and the letters that reach those on the Government Benches or those of us on this side of the House.

Mr Chairman, Sir, to quote but one instance, I have here with me very serious allegations against a very senior Government officer. As I do not know whether the allegations are true or not, it would not be fair for me to

say anything about the officer concerned. I only wish to say that I have posted copies of this letter to an officer of the Anti-Corruption Agency and just before this House resumed its session this afternoon, I have given copies of it to the Assistant Minister of Home Affairs. I do hope that he will read these letters—one is signed, the other is unsigned but the name and address of the person writing the allegations are given and he can easily check up on the person concerned. I do hope that he will look into this matter, because the allegations contained in these letter are of a very serious nature.

Mr Chairman, Sir, I now come to page 336, History of the Emergency. I remember that five or six years ago one Anthony Short of the History Department of the University of Malaya was commissioned to write this History of the Emergency amidst a great deal of fanfare. I think it was more than 5 years ago, but unfortunately we have yet to see that official history of the Emergency emerging from its draft stage even. I notice that for last year the allocation was \$10 and for this year the allocation again is \$10. I presume he has done all his work and I do hope that when the Minister comes to reply he will tell us that the history has been written and it is now with the printers. In any case, this House I am sure will be very grateful for a clarification from him on this matter.

I now come to page 338—the Police. Mr Chairman, Sir, from time to time one gets complaints, in particular, about the Federal Reserve Unit, and only recently, about three or four days ago, or early this week, two Goodwill Committees, one in Kampong Makam and the other in Lorong Kulit, in Penang, complained to the Chief Police Officer there of the unruly behaviour of the members of the F.R.U. I do hope that the Assistant Minister of Home Affairs will investigate into the complaints or allegations of unruliness, or perhaps of the exuberance on the part of the F.R.U. There is no doubt that many a time more force has been used by them than

is necessary, as evidenced by these complaints made by these two Goodwill Committees.

Next, Mr Chairman, Sir, I wish to touch on page 360, Prisons. The conditions of the detainees which at any time, at the best of times, have been most unsatisfactory. I notice, for example, that there is provision for one Hospital Assistant, and from the bold figures given there, we do not know the Hospital Assistant is serving which prison. Then, I notice that on page 368 under OCAR Sub-head 15, "Medical and Dental Expenses" there is an allocation of \$3,000. Mr Chairman, Sir, from time to time I have in this House brought to the attention of this House the unsatisfactory nature of the medical—and let us not talk about dental—attention provided for these people, who had been enforced guests of His Majesty's Government. I believe in a written answer to me given as far back as 1965, the Honourable the then Minister of Home Affairs answered that in Batu Gajah at least a Medical Officer visits the Camp at least once a week. My information is that now not only no Medical Officer visits the Camp, but the visits of the Hospital Assistants are very few and far between. I do wish to impress on the Assistant Minister of Home Affairs of the necessity and the importance of regular visits by a medical personnel, in particular trained medical personnel like doctors. He, I presume, knows that in the "University of Kuching" a person there after playing a game of basketball collapsed and he passed away. At the post-mortem it was found that he had a pericardial effusion. Now, I dare say that if the detainees in the "University of Kuching" had been properly checked up by a medical man, this pericardial effusion would have been detected and the death could have been prevented.

I also wish to draw the attention of the Assistant Minister to the tools and materials for prison industries. For example, on page 368 under OCAR, Sub-head 9, in 1967 the provision was \$720,000, the provision this year is \$465,000. Then, under the same page, OCAR Sub-head 18, Camp industries,

the provision last year was a token vote of \$10, the provision this year is also a token vote of \$10. I need hardly say that people who have been sentenced to serve out their sentence in prisons need to be rehabilitated, and one of the best ways of rehabilitating them would be to teach them to use their hands either to be carpenters, tailors, book-binders and the like and, as such, I do not see why the tools and materials for prison industries allocation should be cut down as compared to that of last year, and that the allocation for camp industries last year was only a token vote of \$10 and this year is also a token vote of \$10. I do hope that the Ministry will find ways and means of viring within the allocations for the Prisons Department extra sums of money to provide for the rehabilitation of prisoners.

I notice also that on page 369, under OCAR, Sub-head 25 (13), there is only a vote of \$400 for the relief of detainees. Now I need hardly say that \$400, for example, for the detainees in Batu Gajah, and now I believe they number by the hundreds, does not go a long way towards the relieving of genuine cases of hardship of people who are enforced guests of His Majesty's Government. I do hope that the Assistant Minister will also look into this matter and increase this allocation of \$400 for the relief of detainees.

I also wish to speak generally on the welfare and recreational facilities in the various detention camps. I need hardly say that unless these are catered for, there is bound to be trouble. Satan finds something for idle hands to do, and if the detainees do not even have reading material, do not have any other ways of diverting themselves, then they are bound to create trouble, and instead of letting them create trouble it will be much better for the Ministry of Home Affairs or the Prisons Department to allocate more sums of money for their recreation and welfare. I need hardly impress on the Assistant Minister of Home Affairs, that last year there was a spate of troubles, hunger strikes and the like in Batu Gajah and in the "University of

Kuching." A great deal of these troubles in these detention camps could have been obviated, if there had been adequate provision for the medical care, for the recreational facilities and for the ration food of the detainees in detention camps.

